



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEEMPAT**  
*Fourth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT:**  
Y.B. Tan Sri Syed Nasir bin Ismail [Ruangan 6843]

**PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:**

Y.B. Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah —  
Kebenaran Cuti [Ruangan 6846]

Y.B. Tuan Azahari bin Md. Taib — Pembantu Tuan Yang di-Pertua  
[Ruangan 6846]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 6847]

**USUL-USUL:**

*Akta Kastam, 1967 —*

**Perintah Duti Kastam (Pindaan), 1977 [Ruangan 6866]**

**Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 2), 1977**  
[Ruangan 6868]

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2), 1977 [Ruangan 6869]**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1977 [Ruangan 6870]**

*(Samb.)*

**USUL-USUL: (Samb.)**

*Akta Kastam, 1967 — (Samb.)*

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3), 1977  
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4), 1977  
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5), 1977  
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6), 1977  
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7), 1977  
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8), 1977  
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9), 1977  
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1977  
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1977  
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12), 1977  
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1977  
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14), 1977  
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15), 1977

[Ruangan 6872]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 3), 1977  
Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 4), 1977  
Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 5), 1977  
Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 6), 1977  
Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 7), 1977  
Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 8), 1977  
Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 9), 1977  
Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 10), 1977

[Ruangan 6876]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang), 1977 [Ruangan 6878]

*Akta Eksais, 1976 —*

Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1977 [Ruangan 6867]

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1977 [Ruangan 6871]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) [Ruangan 6879]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N.,  
D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN  
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Per-  
industrian, DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,  
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.  
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Undang-undang, DATUK SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH,  
S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,  
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL  
GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATUK HAJI  
ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL  
GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD,  
D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ  
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K.,  
P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL  
CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

„ Menteri Pelajaran, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATUK CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK DR. NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).

- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- ” TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- ” DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- ” TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- ” PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- ” TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- ” PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- ” TUAN AJAB BIN O.T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- ” TUAN A.K. ALIUDDIN (Kimanis).
- ” TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- ” TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).

- Yang Berhormat DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ DATUK LOH FOOK YEN (Kluang).

Yang Berhormat TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).

- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN ONN ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K. A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).

Yang Berhormat TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).

- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN-PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy  
Louis Yeoh Sim Ngoh  
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah  
Suhor bin Husin  
Amran bin Ahmad  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof  
Margaret Chye Kim Lian  
Puan Ng Chong Kin  
Puan Kong Yooi Thong  
Juliah binti Awam  
Supiah binti Dewak  
Ismail bin Hassan  
Shamsiah binti Mohd. Yusof  
Kalsom binti Ghazali

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Isnin, 9hb Januari, 1978

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

**MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA  
DEWAN RAKYAT**

**Tuan Setiausaha (Y.B. Tan Sri Datuk Syed Nasir bin Ismail):** Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut peruntukan-peruntukan Perkara 57 Perlembagaan Malaysia dan mengikut aturan yang dinyatakan di dalam Peraturan Mesyuarat 4, Majlis ini akan terus memilih Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat oleh kerana ada kekosongan jawatan Tuan Yang di-Pertua dengan berpulangnya ke Rahmatullah Allahyarham Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil pada 20hb Disember, 1977.

Berhubung dengan perkara ini, saya sukacita memaklumkan iaitu pada 23hb Disember, 1977 saya telah menerima satu pemberitahu daripada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Onn, Perdana Menteri. Sekarang dengan segala hormatnya saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengemukakan cadangan memilih Tuan Yang di-Pertua.

**Perdana Menteri:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon mencadangkan bahawa Yang Berhormat Tan Sri Syed Nasir bin Ismail dipilih jadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (*Tepok*).

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon menyokong.

**Tuan Setiausaha:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ada satu sahaja cadangan yang diterima maka menurut Peraturan Mesyuarat 4 (3), saya dengan ini memasyhurkan Yang Berhormat Tan Sri Syed Nasir bin Ismail dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (*Tepok*).

*(Dengan pemsyuhuran Tuan Setiausaha, Yang Berhormat Tan Sri Datuk Syed Nasir bin Ismail dibawa ke Kerusi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Bismillah-hirrahman-nirrahim. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum meneruskan persidangan hari ini, terlebih dahulu suka saya mengambil peluang ini melafazkan ucapan syukur yang tiada terhingga ke hadrat Allah s.w.t. Yang Maha Berkuasa lagi Maha Adil; sambil itu dengan penuh ikhlas saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan khasnya kepada Y.A.B. Perdana Menteri yang meletakkan kepercayaan kepada saya dengan mengemukakan usul mencadangkan supaya saya dipilih oleh Dewan yang mulia ini menyanggah jawatan yang tinggi dan penuh bertanggungjawab sebagai Yang di-Pertua, demikian juga kepada Yang Berhormat Menteri Buruh yang menyokong cadangan itu. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan dan persetujuan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesungguhnya kepercayaan dan tanggungjawab yang diberi kepada saya ini adalah satu penghargaan yang amat tinggi yang tiada dapat saya nilaikan.

Saya sedar jawatan yang akan saya pegang ini adalah berat, namun demikian, saya berasa yakin bahawa dengan taufiq dan hidayah daripada Allah s.w.t. dan dengan berkat kerjasama yang tulus ikhlas daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan juga pegawai-pegawai Parlimen, Insya Allah, kepercayaan itu tidak akan saya keciwakan.

Daripada sedikit-sebanyak pengalaman yang telah saya perolehi di sepanjang masa yang lalu sebagai Timbalan Yang di-Pertua saya sungguh-sungguh menyedari bahawa selain daripada tugas pentadbiran di pejabat dan memelihara kemuliaan Dewan ini dan imej Parlimen maka jawatan dan tugas Yang di-Pertua itu tidaklah sering yang dilihat dengan mata kasar — duduk dan diam sahaja di atas kerusi ini — yang sebenarnya: duduk bukan sebarang duduk, diam bukan sebarang diam; bak kata pepatah orang tua-tua, “Duduk berpandu cupak gantang”, yakni duduk dengan sentiasa bersifat adil, adil kepada semua pihak di dalam Dewan ini sambil memutuskan sesuatu masaalah yang timbul dengan cepat, sambil memutuskannya itu dengan adil dan saksama. Begitulah juga diam Yang di-Pertua itu sentiasa mendengar dengan teliti tiap-tiap kalimat yang dilafazkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, serta memerhati dengan mata hati setiap gerak-geri sekalian yang ada di dalam Dewan ini.

Di samping itu Peraturan Mesyuarat mesti pula dijaga supaya dipatuhi dan tidak dilanggar; dalam melaksanakannya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tidaklah semestinya diikuti seperti kata pepatah: “Tegang berdenting-denting, kendur berjela-jela”, tetapi seboleh-bolehnya berpandukan pepatah: “Tanah jangan lembang, pembalun jangan patah, ular dibalun biar mati”. Seperti yang saya katakan tadi bahawa saya sudah sedia sedar tugas-tugas yang saya hadapi ini adalah berat, tetapi meskipun demikian, sekali lagi saya menegaskan keyakinan saya, bahawa dengan pertolongan Allah serta kerjasama dan persefahaman dari Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai Parlimen sekalian segala-galanya akan jadi mudah.

Akhir sekali, saya berdoa dan memohon taufiq dan hidayah daripada Allah supaya dapatlah kiranya saya menjalankan tugas-tugas ini dengan sempurna. Terima kasih. (*Tepok*).

Persidangan ditempohkan selama 10 minit.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 2.45 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 2.55 petang.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

#### PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

*Y.B. Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah —  
Kebenaran Cuti*

*Y.B. Tuan Azahari bin Md. Taib —  
Pembantu Tuan Yang di-Pertua*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memaklumkan kepada Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada Yang di-Pertua, mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 di dalam Perlembagaan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Yusof Rawa @ Haji Yusof bin Haji Abdullah, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Kota Setar selatan selama setahun mulai daripada 15hb Disember, 1977.

Yang kedua, mengikut Peraturan Mesyuarat 6 (1), pemilihan Timbalan Yang di-Pertua tidak dapat dijalankan pada masa sidang Parlimen kali ini, tetapi akan dijalankan pada masa yang akan datang. Walau bagaimanapun, saya berharap pada masa jawatan Timbalan Yang di-Pertua ini kosong dapatlah kiranya Yang Berhormat Ahli dari Kulim—Bandar Baru membantu saya dalam masa itu (*Tepok*).

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### KAKITANGAN JABATAN PENERANGAN

1. **Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa kakitangan di Jabatan Penerangan tidak puas hati dengan bayaran gaji baru Kabinet dan terdapat juga Pegawai-pegawai Sementara di Kementerian Penerangan yang telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun yang telah juga menyatakan rasa tidak puashati mereka, jika sedar, apakah langkah yang perlu dan patut diambil oleh Kementerian

**Menteri Tak Berpotfolio (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar ada golongan kakitangan di Jabatan Penerangan yang tidak puas hati dengan tanggagaji baru itu. Mereka yang berkenaan telah dinasihatkan supaya mengemukakan kes mereka kepada pihak berkuasa yang berkenaan untuk penyelesaian.

Pegawai-pegawai sementara dan kontrek, samada yang baru ataupun yang telah berkhidmat lebih dari 10 tahun di dalam Jabatan Penerangan telah juga ditawarkan dengan tanggagaji baru. Memang ada di antara mereka yang tidak puas hati dengan tanggagaji yang telah diberikan. Mereka telah membawa perkara ini kepada Kementerian Penerangan yang telah mengemukakannya kepada pihak yang berkuasa supaya perkara ini dapat ditimbang untuk penyelesaian.

### TENAGA BURUH KEKURANGAN

2. **Tuan Lukman bin Abdul Kadir** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar tentang kekurangan tenaga buruh sebagaimana yang dialami oleh pekebun-pekebun kecil getah

sekarang dan akibatnya kelak kepada pengeluaran bahan itu. Jika ya, apakah langkah mengatasi telah/akan dijalankan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar atas kekurangan tenaga buruh sebagaimana yang dialami oleh pekebun-pekebun kecil getah sekarang. Bagi langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh yang dialami oleh pekebun-pekebun kecil, sebenarnya hal ini telahpun dinyatakan dalam Dewan ini pada 1hb April, 1977, semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Semerah.

### SISTEM TALIPON OTOMATIK, TANJONG KARANG

3. **Tuan Haji Jamil bin Ishak** minta Menteri Perhubungan menyatakan bilakah penduduk-penduduk Tanjong Karang boleh dapat menggunakan Sistem Talipon Otomatik. Apakah sebab-sebabnya maka rancangan ini tergendala.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, ibusawat talipon yang ada sekarang di Tanjong Karang telahpun memberi perkhidmatan automatik tempatan kepada semua pelanggan-pelanggan tempatan. Walau bagaimanapun, kemudahan-kemudahan panggilan terus (dail STD) belum lagi dapat diberi di Tanjong Karang oleh sebab ini bergantung kepada pertukaran ibusawat yang dikendalikan oleh operator kepada ibusawat automatik. Alat-alat untuk ibusawat automatik Kuala Selangor telahpun dipesan dan dijangka sampai pada awal tahun 1978, pemasangan alat-alat ini dijangka siap pada pertengahan tahun 1978 dan Tanjong Karang akan dapat perkhidmatan automatik sepenuhnya.

**Tuan Haji Jamil bin Ishak:** Soalan tambahan. Sementara menunggu alat-alat yang akan dibekalkan dapatkah Setiausaha

Parlimen memberikan jaminan bahawa perkhidmatan talipon di Kuala Selangor dan Tanjong Karang dapat diperbaiki.

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah terangkan tadi keadaan talipon bagi Kuala Selangor dan Tanjong Karang pada masa ini adalah dianggap memuaskan. Jadi, saya meminta Ahli Yang Berhormat bersabar dan memberi penerangan yang jelas kepada penduduk-penduduk Kuala Selangor dan Tanjong Karang untuk menunggu sehingga semua perkakas ini dapat dipasang untuk kepentingan dan keperluan rakyat di tempat tersebut.

### TAMBANG BAS

**4. Tuan Au How Cheong** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan apakah criterianya apabila menimbangkan kenaikan tambang bas; bagaimana Kementerian beliau memutuskan sejauhmanakah tambang bas boleh dinaikkan.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab bahagian pertama kepada soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, 'criteria' yang dititikberatkan ialah dengan cara menentukan 'profitability indicator' tiap-tiap pengusaha bas. Apa yang dimaksudkan dengan 'profitability indicator' ialah keuntungan sebelum cukai (pre-tax profits) sebagai peratus kepada pendapatan (percentage of revenue). Berpandukan kepada 'indicator' ini, berasaskan kepada laporan tahunannya, maka dapatlah ditentukan sama ada syarikat itu mendapat keuntungan atau mengalami kerugian dalam perniagaannya.

Untuk menjawab bahagian kedua kepada soalan yang dikemukakan, ingin saya nyatakan bahawa laporan-laporan tahunan bagi kebanyakan syarikat pengangkutan menun-

jukkan mereka memperoleh keuntungan bagi tahun 1972 — 1974 dan keuntungan itu adalah memuaskan. Oleh itu, Kementerian saya telah mengambil perkiraan untuk membandingkan purata keuntungan bagi ketiga-tiga tahun ini dengan laporan tahunan tahun 1976 iaitu suatu amalan antarabangsa. Antara lain analisa telah menunjukkan:—

- (a) Pengusaha-pengusaha bas di Kuala Lumpur purata telah menanggung kerugian dalam tahun 1976 dan perbelanjaan bagi satu batu penumpang (cost per passenger mile) naik sebanyak 10% manakala keuntungan syarikat-syarikat lain di luar Kuala Lumpur adalah merosot.
- (b) Kebanyakan pengusaha-pengusaha bas di Kuala Lumpur membuat perjalanan jarak dekat dan in telah mengurangkan pendapatannya.

Memandangkan kebanyakan pengusaha-pengusaha bas terutama di Kuala Lumpur mengalami kerugian besar di mana kebanyakan penumpang-penumpang adalah bagi jarak dekat maka pihak Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menaikkan tambang bagi jarak dekat sahaja. Walau bagaimanapun, kenaikan tambang yang dibenarkan itu adalah memberi faedah juga kepada semua pengusaha-pengusaha bas di seluruh Semenanjung Malaysia. Adalah dianggarkan syarikat-syarikat bas akan memperoleh penambahan pendapatan sehingga 10% dengan keputusan ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengawasi supaya mutu perkhidmatan pengangkutan akan bertambah baik untuk menarik orang-orang kepadanya dengan keputusan menaikkan kadar tambang ini.

### LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG

**5. Tuan Farn Seong Than** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa

Subang selalu ditenggelami air apabila berlaku hujan lebat yang menjadikan pendaratan tidak selamat dan oleh yang demikian kapal-terbang yang hendak mendarat selalu diarahkan supaya turun di Pulau Pinang atau Singapura dan jika ya, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk membaiki keadaan ini supaya penumpang-penumpang tidak mengalami kesulitan yang sepatutnya tidak timbul.

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Perhubungan tidak sedar Lapangan Terbang Antarabangsa Subang pernah ditenggelami air walaupun selepas hujan lebat. Sehingga kini belum pernah berlaku di mana kapal terbang telah diarahkan menukar haluan ke Pulau Pinang atau ke Singapura disebabkan landasan terbang itu ditenggelami air.

#### TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH

**6. Tuan Hashim bin Ghazali** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada beliau sedar Negeri Sabah telah digugurkan dari tuntutan oleh Kerajaan Filipina; jika sedar, apakah syarat-syarat Kerajaan Filipina yang menyebabkan tuntutan tersebut digugurkan.

**Tuan Paul Leong Khee Seong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri.

Seperti yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Dewan ini pada 3hb November, 1977, Presiden Marcos telah membuat pengumuman pada sidang Ketua-ketua Kerajaan ASEAN di Kuala Lumpur pada bulan Ogos tahun lalu bahawa Kerajaan Filipina akan mengambil tindakan untuk mengugurkan tuntutan ke atas Sabah. Keputusan itu dibuat tanpa apa-apa syarat.

#### BOT KECIL NELAYAN-NELAYAN KUALA SANGLANG

**7. Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin** minta Menteri Pertanian menyatakan mengapa bot-bot kecil kepunyaan nelayan-nelayan Kuala Sanglang apabila didenda kerana kesalahan-kesalahan terpaksa membayar denda wang yang sama lebih kurang dengan denda-denda yang disyaratkan kepada bot-bot yang berharga lebih daripada 30 atau 40 ribu ringgit sebuah.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua, denda yang dikenakan oleh mahkamah itu adalah melalui proses undang-undang berdasarkan beratnya sesuatu kesalahan dan bukan mengikut saiz sesebuah bot.

#### PERKHIDMATAN BAS DI KAWASAN PERUMAHAN BARU

**8. Tuan Chin Hon Ngian** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak kawasan-kawasan perumahan baru tidak mendapat perkhidmatan bas yang memuaskan dan kemudahan-kemudahan pengangkutan awam lain. Adakah benar permohonan-permohonan untuk menjalankan perkhidmatan tambahan oleh syarikat-syarikat bas telah ditolak. Bolehkah beliau memberitahu Dewan ini apa tindakan-tindakan sedang diambil supaya memperbaiki perkhidmatan pengangkutan ke kawasan-kawasan perumahan baru.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada setengah-setengah daripada kawasan-kawasan perumahan terutamanya yang baru tidak ada perkhidmatan pengangkutan awam yang memuaskan oleh sebab-sebab tertentu iaitu seperti belum ada permohonan dari orang-orang untuk menjalankan perkhidmatan ataupun jika ada permohonan mungkin

permohonan itu masih di dalam pertimbangan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan. Sebagaimana yang telah saya nyatakan di dalam Dewan ini pada 19hb Disember, 1977 ketika menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Renggam adalah tidak benar bahawa semua permohonan-permohonan untuk menjalankan perkhidmatan tambahan oleh syarikat-syarikat bas telah ditolak oleh Lembaga Pelesenan di Kementerian saya. Kementerian saya sentiasa memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada syarikat-syarikat bas yang ada untuk menjalankan perkhidmatan tambahan dan juga syarikat-syarikat baru yang ingin menjalankan perkhidmatan di kawasan-kawasan perumahan. Jika sekiranya pihak Lembaga Pelesenan puas hati tentang adanya keperluan bagi perkhidmatan tersebut dan permohonan itu memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki kebenaran boleh diberikan kepada mereka.

#### PENDAPATAN DARI PELANCUNG-PELANCUNG

**9. Tuan Latip bin Haji Dris** (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pendapatan yang diperolehi oleh Kerajaan Malaysia dari pelancungan-pelancungan dari luar negeri ke Malaysia mulai tahun 1974 hingga 31hb Ogos, 1977.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan Malaysia tidak mengutip sebarang wang secara langsung daripada pelancung-pelancung, saya anggap apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dengan perkataan pendapatan ialah jumlah pertukaran wang asing yang dibelanjakan oleh para pelancung.

Mengikut kajian yang telah dijalankan jumlah pertukaran wang asing yang dibelanjakan oleh pelancung-pelancung asing yang berkunjung ke Semenanjung Malaysia sahaja ialah \$353.9 juta dalam 1974, \$396.9

juta dalam 1975 dan \$275.2 juta dalam 1976. Jumlah penukaran wang asing bagi tahun 1977 hingga 31hb Ogos masih belum dapat ditentukan.

Angka-angka tersebut ialah satu anggaran sahaja berdasarkan kepada keputusan-keputusan 'sample survey' ke atas pelancung-pelancung. Ingin saya nyatakan di sini adalah sangat sukar untuk mendapatkan perangkaan yang tepat mengenai jumlah penukaran wang asing daripada semua pelancung-pelancung oleh sebab para pelancung tidak dikehendaki menyatakan jumlah wang yang mereka bawa semasa memasuki dan keluar dari negara ini.

#### SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA/TAMIL)

**10. Tuan Au How Cheong** (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar banyak sekolah-sekolah R.J.K. (Cina) dan sekolah-sekolah R.J.K. (Tamil) dalam Kawasan Pilihanraya Parlimen Kluang berada dalam keadaan yang buruk; jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaikinya.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar bahawa ada beberapa sekolah di kawasan pilihanraya Ahli Yang Berhormat yang keadaannya agak buruk dan Kementerian juga sedar bahawa banyak lagi sekolah-sekolah yang sama kedudukannya. Kementerian Pelajaran sedang berusaha melaksanakan projek-projek gantian untuk memperbaiki keadaan yang kurang baik itu. Walau bagaimanapun, seperti yang telah diperkatakan oleh bekas Menteri Pelajaran beberapa kali rancangan pembaharuan tidak dapat dijalankan serentak untuk semua sekolah yang buruk dan perlu diganti.

Di Daerah Kluang, Kementerian Pelajaran ada memperuntukkan perbelanjaan kepada sekolah-sekolah berikut:

- (1) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Tuan Poon, Simpang Renggam sebanyak \$79,200.
- (2) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Sin Teow, Paloh, Kluang sebanyak \$4,000.
- (3) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Chong Heng, Jalan Dato' Teoh Siew Kor, Kluang sebanyak \$12,000.
- (4) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Chien Min, Batu 1½ Jalan Parit Jawa, Kluang sebanyak \$5,000.
- (5) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina South Malaya, Ladang Nenas, Simpang Renggam, Kluang sebanyak \$2,500.
- (6) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Yew Min, Ladang Kali Malaysia, Paloh, Kluang sebanyak \$20,000.
- (7) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Sam Bah, Ladang Kluang sebanyak \$5,000.

#### PENGEDAR DADAH

**11. Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Menteri Undang-undang menyatakan samada bercadang mengadakan undang-undang merampas hakmilik, harta pengedar-pengedar dadah yang sabit kesalahannya. Jika ada bila dan jika tidak mengapa.

**Menteri Undang-undang (Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, harta-harta seperti duit, motorcycle atau kenderaan yang telah diguna oleh pengedar-pengedar dadah atau terang dan nyata hasil daripada jualan dadah masa ditangkap boleh dihukum rampas oleh mahkamah. Tetapi untuk kita mengadakan undang-undang bagi merampas hakmilik dan harta-harta seperti tanah, rumah, duit-duit dalam simpanan bank dan lain-lain harta yang dipunyai oleh pengedar-pengedar yang didapati salah oleh mahkamah adalah satu perkara yang mesti dikaji dengan sedalam-

dalam supaya tiada berlaku penginayaan dan tiada keadilan oleh sebab bukanlah satu perkara yang senang untuk membeza hartanya yang dapat secara halal dengan harta yang diperolehi dari hasil pengedar dadah. Walau bagaimanapun, masaalah ini adalah dalam perhatian dan kajian Kerajaan.

#### DATUK ABDULLAH AHMAD MEMILIKI SENJATAPI

**12. Tuan Lim Cho Hock** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan mengapa Datuk Abdullah Ahmad, bekas Timbalan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri tidak didakwa di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana memiliki sepucuk senapang patah secara haram dan jika didapati salah di bawah Akta tersebut akan dihukum mati. Dan mengapakah layanan VIP seumpama itu tidak diberikan kepada budak berumur 14 tahun di Pulau Pinang. Samada Menteri berkenaan akan menafikan terdapat double standards dalam perjalanan undang-undang.

**Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, sebab Datuk Abdullah Ahmad dituduh di bawah Akta Senjatapi 1960, sudah dijelaskan dahulu dalam Dewan ini. Dan lagi kita semua telah membaca berita-berita penuh atas kes ini dari akhbar-akhbar tempatan sebab-sebab Datuk Abdullah dituduh di bawah Akta Senjatapi, 1960.

Peguam Negara telah meneliti kertas siasatan polis dan keterangan-keterangan di dalamnya dan berpendapat adalah wajar dan adil Datuk itu dituduh Akta itu dan bukan Akta Keselamatan Dalam Negeri, oleh kerana Datuk Abdullah Ahmad sudah ada lesen dari Polis untuk menyimpan, senjatapi, iaitu satu pistol. Dalam tahun 1969 selepas 13hb Mei, Datuk telah memohon dari Polis untuk mendapat lesen menyimpan senapang (shot-gun) dan pihak polis telah meluluskan. Malangnya apakala telah dibeli senapang itu

Datuk itu tidak merepot semula kepada polis dan mendaftarkan senapang itu ke dalam lesen senjatapi yang ada padanya. Kesalahannya ialah tidak membayar gun licence fees \$10 setahun. Yang demikian senapang yang ada padanya telah dapat kebenaran dari pihak berkuasa tetapi tiada mengambil dan membayar feesnya. Walaupun kesalahan itu teknikal sahaja, tetapi tetap juga salah di bawah Akta Senjatapi, 1960. Saya berpendapat kes ini tidak termasuk di bawah Undang-undang Kesalahan Dalam Negeri. Berkenaan kes budak Pulau Pinang yang berumur 14 tahun itu terang dan nyata dari keterangan-keterangan polis, wajar dituduh di bawah Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri.

Adalah tidak sekali-kali benar tuduhan atau sangkaan yang pihak Peguam Negara melakukan layanan berbeza antara kedua dengan sebab perbezaan taraf dan pangkat membuat keputusan satu-satu kes adalah bergantung atas keadaan dan keterangan-keterangan dalam satu-satu kes itu.

**Tuan Lim Cho Hock:** Soalan tambahan. Jawapan dari Yang Berhormat Menteri maknanya Peguam Negara ialah satu orang sahaja bersuka-sukalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak kata begitu. Pertanyaan soalan tambahannya apa?

**Tuan Lim Cho Hock:** Saya tanya Menteri ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bersuka-suka sahaja atau tidak!

**Tuan Lim Cho Hock:** Bersuka-suka sahaja — adakah benar?

**Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang pun sudah dikeluarkan arahan samada seseorang itu didapati mempunyai senjatapi, pertimbangan diserahkan kepada Peguam Negara menimbang samada dia dituduh di bawah

Akta Keselamatan Dalam Negeri ataupun Undang-undang lain.

**Tuan Lim Cho Hock:** Itu bermakna Peguam Negara satu orang bersuka-suka sahaja, dia suka dituduh di bawah Akta itu — dia satu orang sahajalah.

**Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menerangkan bahawa keputusan itu dibuat selepas berunding dengan pihak-pihak berkenaan dengan pihak Polis, dengan pihak DPP dan lain-lain pihak yang berkenaan dan kalau didapati adil dituduh dia di bawah Akta Senjatapi, tuduhan berkenaan dibuat.

## TUNGGAKAN TANGGAGAJI KABINET

**13. Tuan Au How Cheong** minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau;—

- (a) sedar kebanyakan, jika bukan semua, Kerajaan-kerajaan Tempatan tidak boleh memulangkan pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Pusat melalui Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membayar tunggakan apabila melaksanakan tanggagaji Kabinet; dan
- (b) akan menimbang supaya pinjaman itu diubah menjadi pembayaran terus (out-right grant).

**Menteri Tak Berpotfolio (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan. Pihak Kementerian sedar bahawa ada di antara Kerajaan-kerajaan Negeri dan Penguasa-penguasa Tempatan menghadapi kesulitan wang untuk membayar tunggakan gaji berkaitan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet. Sebenarnya permohonan-permohonan telahpun diterima daripada beberapa buah Kerajaan Negeri dan Penguasa-penguasa Tempatan untuk mendapat bantuan kewangan bagi maksud tersebut. Kementerian Kewangan sudah pun siap

membuat kajian ke atas permohonan-permohonan itu bagi menentukan keperluan pihak-pihak yang berkenaan. Sementara itu pendahuluan-pendahuluan telahpun diberikan kepada beberapa buah Kerajaan Negeri.

Kerajaan Pusat akan memberi pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi membantu mereka untuk membayar tunggakan gaji itu bukan sahaja untuk kakitangan-kakitangan di Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri, tetapi juga di Penguasa-penguasa Tempatan. Oleh kerana Penguasa-penguasa Tempatan adalah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri, maka terpulanglah kepada mereka untuk menentukannya samada hendak memberi bantuan kewangan kepada Penguasa-penguasa Tempatan itu secara pemberian ataupun pinjaman.

Dalam Perutusan Belanjawan oleh Y.B.M. Menteri Kewangan kepada Dewan Negara pada 19.12.77 telahpun disebutkan tentang bantuan-bantuan Kerajaan Persekutuan kepada Penguasa-penguasa Tempatan untuk menggalakkan penyusunan semula badan-badan itu. Bagi membantu badan-badan itu melaksanakan penyusunan semula itu Kerajaan Persekutuan akan memberi bantuan kewangan dalam bentuk pemberian pelancaran atau "launching grant" yang dianggarkan sebanyak \$40 juta dalam tempoh enam tahun akan datang dan pemberian tahunan atau "annual grant" sebanyak \$13 juta setahun. Dengan bantuan-bantuan ini adalah diharapkan badan-badan itu akan dapat mengadakan rancangan-rancangan pembangunan dan memberi perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih baik lagi untuk faedah penduduk-penduduk kawasan-kawasan tersebut.

### STAR PUBLICATION

**14. Tuan Farn Seong Than** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa MCA menerusi Syarikat Serbagunanya ada memegang bahagian

saham dalam Star Publication untuk kepentingan MCA seperti mengubah-ubahkan berita, dan jika ya samada beliau akan menimbang mengadakan undang-undang untuk melarang parti-parti politik dari memegang saham yang terbanyak dalam akhbar-akhbar.

**Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menjawab bagi pihak Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak sedar atas hal ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak bercadang mengadakan undang-undang seperti yang dikehendaki itu.

### AYAM YANG DISUNTIK DENGAN HORMON

**15. Tuan Hashim bin Ghazali** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar jika makan daging ayam yang telah disuntik dengan hormon boleh menyebabkan laki-laki akan bertukar menjadi sifat perempuan; jika sedar, berapa ramai orang laki-laki yang telah menjadi perempuan kerana makan daging ayam tersebut dan berapa ramai orang laki-laki yang bertukar menjadi perempuan disebabkan pembedahan di dalam hospital negara ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr. Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, seseorang itu mungkin boleh bertukar sifat menjadi sifat perempuan dengan memakan hormon yang ada memberi feminising effect akan tetapi cuma jika sekiranya seseorang itu memakan tengkok ayam yang telah disuntikkan dengan hormon tersebut dan dengan beberapa lamanya iaitu seseorang itu mestilah memakan bahagian yang disuntik dengan hormon itu there must be prolonged and continuous eating. Sebaliknya, jikalau sekiranya bahagian-bahagian lain dimakan tidak mungkin membawa perubahan sifat tersebut oleh kerana apabila hormon itu disuntikkan

ke dalam ayam itu ianya masuk dalam saluran darah dan selepas itu dipecahkan oleh hati ayam itu iaitu detoxified by the chicken liver.

Tuan Yang di-Pertua, sukaulah saya menyatakan di sini bahawa pada masa sekarang boleh dikatakan amalan seperti ini tidak digunakan lagi iaitu amalan untuk membesarkan ayam-ayam menerusi hormon ini tidak diamalkan lagi oleh penternak-penternak ayam oleh kerana perkembangan-perkembangan baru yang lebih efektif lagi seperti mengadakan baka-baka yang lebih baik dan cara-cara yang lebih moden. Oleh itu, janganlah orang ramai kuatir atas perkara ini. Setakat saya telah difahamkan bahawa tidak ada rekod menunjukkan adanya orang lelaki menjadi perempuan kerana memakan daging ayam tersebut.

Selain daripada itu, setakat ini tidak ada rekod membuktikan adanya pembedahan untuk menukarkan jantina mereka itu akibat daripada memakan ayam yang disuntik dengan hormon.

### SEMPADAN DARAT MALAYSIA—INDONESIA

16. **Tuan Latip bin Haji Dris** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah rancangan-ancangan yang sudah dijalankan bagi menentukan atau menyasat garis-garis sempadan di antara Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak) dengan Kerajaan Indonesia, bilakah perkara ini akan disiapkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Embong bin Yahya):** Tuan Yang Di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat dari Lubok Antu sedia maklum, sempadan darat Malaysia—Indonesia adalah sepanjang 1,130 batu, bermula dari Tanjong Datuk di Sarawak, sampai ke pantai timur Pulau Sebatik di Sabah. Dalam tahun 1973 Kerajaan kita telah melantik sebuah jawatankuasa yang

diketuai oleh Datuk Harun Ariffin, Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah bagi merancang, menyasat dan menandakan garis sempadan bersama-sama pihak yang berkuasa dari Pemerintah Indonesia. Rancangan-rancangan yang telah dipersetujui oleh pihak Malaysia dan Indonesia ialah:—

1. Rancangan yang pertama ialah persetujuan dalam semua perkara dasar sebelum kerja ukur dimulakan di sempadan, iaitu:—
  - (i) Persetujuan mengenai tugas dari semua aspek teknikal, serta peralantikan jawatankuasa bersama yang dipertanggungjawabkan dengan semua masalah teknikal, termasuk aspek “standards of accuracy”;
  - (ii) Penyusunan keutamaan kawasan-kawasan sempadan;
  - (iii) Presidur yang hendak digunakan dari aspek kerja ukur, jenis instrument yang digunakan dan skel peta yang akan dibuat;
  - (iv) Pembahagian kos dan kewangan;
  - (v) Bidang keselamatan dan pembahagian peruntukan pasukan keselamatan dari kedua-dua negara;
  - (vi) Semua perkara yang menyentuh undang-undang dalam negeri masing-masing seperti imigresen dan kastam.
2. Rancangan yang kedua ialah mengatur supaya pasukan ukur yang telah ditubuhkan, berserta dengan semua pasukan keselamatan, dan dengan perkakas-perkakas yang diperlukan bertolak dari pengkalan masing-masing supaya bertemu dan berpengkalan di tempat yang sama di sempadan di atas gunung.
3. Rancangan yang ketiga ialah untuk semua pasukan ukur menjalankan tugas di kawasan sempadan dan dalam

tempoh sebagaimana yang telah diaturkan oleh jawatankuasa bersama.

4. Rancangan yang keempat ialah menandatangani peta sempadan bagi kawasan-kawasan yang telah siap diukur dan ditanda oleh Ketua Jawatankuasa Teknikal kedua-dua buah negara.
5. Rancangan yang kelima ialah menandatangani Memorandum Persefahaman oleh Ketua Jawatankuasa yang dilantik oleh kedua-dua Kerajaan sebagai pengesahan kawasan sempadan yang telah siap diukur dan ditanda.
6. Panjangnya sempadan darat Malaysia—Indonesia adalah seperti berikut:—
  - (i) Sarawak—Kalimantan  
Barat ... .. 1419 km.  
(882 batu)
  - (ii) Sabah—Kalimantan  
Timur ... .. 399 km.  
(248 batu)

Hingga sekarang dua buah Memorandum Persefahaman telah ditandatangani, mengenai kawasan sempadan sepanjang 560 kilometer (348 batu). Kerja menentukan seluruh sempadan dijadualkan siap kesemuanya dalam masa 3½ tahun lagi.

#### PEGAWAI-PEGAWAI PENERANGAN LUAR

17. **Tuan Abu Bakar bin Arshad** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar bahawa ceramah-ceramah yang disampaikan oleh Pegawai-pegawai Penerangan Luar di Daerah-daerah mengenai Polisi Kerajaan tidak menarik, jika ya, adakah beliau bercadang hendak memberi Kursus kepada Pegawai-pegawai ini supaya ceramah dan penerangan yang diberikan akan menarik kepada orang ramai.

**Menteri Penerangan (Datuk Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di-Pertua, saya akui ada di antara Pegawai-pegawai Penerangan yang memberi ceramah-ceramah yang kurang menarik minat pendengar-pendengar mereka tetapi masalah ini bukanlah terkena pada semua pegawai-pegawai.

Kementerian Penerangan dari masa ke semasa ada menganjurkan kursus-kursus intensif bagi Pegawai-pegawai yang ditugaskan menyampaikan dasar-dasar Kerajaan dengan tepat lagi menarik untuk diketahui dan difahami oleh rakyat di seluruh negara.

Saya suka memaklumkan di Dewan ini bahawa setengah-setengah ceramah yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan seperti di Daerah-daeah bukan semata-mata dijalankan oleh Pegawai-pegawai Jabatan Penerangan ini sahaja, malahan Jabatan ini ada juga menjemput Pegawai-pegawai dari Jabatan-jabatan lain khusus untuk menerangkan peranan dan dasar-dasar yang dijalankan oleh Jabatan-jabatan tersebut.

Saya suka menegaskan bahawa masalah ini akan segala diatasi terutama dalam memperbaiki lagi teknik penyampaian bagi penceramah-penceramah sesuai dengan selera dan tingkatan pemikiran dan pencapaian rakyat pada keseluruhannya supaya ceramah-ceramah yang disampaikan oleh Pegawai-pegawai itu dan Pegawai-pegawai undangan dari Jabatan-jabatan lain bukan sahaja akan menjadi lebih menarik tetapi juga akan lebih difahami dengan berkesan oleh mereka yang mendengarnya.

#### RANCANGAN PERUMAHAN PEKERJA LADANG

18. **Tuan Au How Cheong** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilakah akan diadakan rancangan perumahan bagi pekerja-pekerja dalam ladang-ladang di Daerah Kluang.

kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No.2) , 1977 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 82 tahun 1977 disahkan.

### **AKTA KASTAM, 1967**

#### **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2), 1977**

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan izin, bagi pihak Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) , 1977 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 83 tahun 1977 disahkan.

Perintah ini telah dibuat untuk membetulkan kesilapan dalam Perintah Duti Kastam, 1977 mengenai sercaj atas getah yang diekspot dari Sabah dan Sarawak yang telah salah dimasukkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2), 1977 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 83 tahun 1977 disahkan.

### **AKTA KASTAM, 1967**

#### **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1977**

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan izin, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan memohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1977 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 84 tahun 1977 disahkan.

Tujuan perintah ini adalah untuk mengenakan cukai impot sebanyak 1 sen segelen ke atas minyak disel. Cukai nominal ini dikenakan untuk membolehkan pihak Kastam mengawal minyak disel supaya subsidi sebanyak 5 sen segelen yang dibayar atas jualan minyak disel dapat diselenggarakan dengan sempurna. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat baru-baru ini Kerajaan telah membuat keputusan bahawa akibat daripada kenaikan harga minyak mentah, syarikat-syarikat minyak dibayar subsidi ke atas minyak tanah sebanyak 14 sen segelen (yang menjadikan jumlah subsidi ke atas minyak tanah sebanyak 44 sen segelen) dan subsidi sebanyak 5 sen segelen ke atas minyak disel supaya harga-harga keluaran petrolium dapat dikekalkan pada paras yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi

kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1977 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 84 tahun 1977 disahkan.

### AKTA EKSAIS, 1976

#### Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1977

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 6, Akta Eksais, 1976, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 85 tahun 1977 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah untuk mengenakan duti eksais sebanyak 1¢ segelen ke atas minyak disel dan ianya adalah bagi maksud yang sama seperti yang telah saya terangkan apabila membentangkan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1977 yang bahu sahaja telah diluluskan oleh Majlis ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 6, Akta Eksais, 1976, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1977 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 85 tahun 1977 disahkan.

### AKTA KASTAM, 1967

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3), 1977**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4), 1977**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5), 1977**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6), 1977**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7), 1977**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8), 1977**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9), 1977**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1977**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12), 1977**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1977**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14), 1977**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15), 1977**

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1977,
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1977,
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1977,
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1977,

- (vii) Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 9), 1977 dan
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 10), 1977

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 98, 99, 100, 101, 102, 103, 104 dan 105 tahun 1977 disahkan.

Perintah-perintah ini mempunyai tujuan-tujuan yang sama dengan Perintah-perintah bilangan (i), (ii), (iii), (iv), (v), (vi), (vii), (viii) dan (ix) yang baru sahaja diluluskan oleh Majlis ini melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 3), 1977,
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 4), 1977,
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 5), 1977,
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 6), 1977,
- (v) Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 7), 1977,
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 8), 1977,
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 9), 1977 dan
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 10), 1977

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 98, 99, 100, 101, 102, 103, 104 dan 105 tahun 1977 disahkan.

## AKTA KASTAM, 1967

### Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang), 1977

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) 1977 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 106 tahun 1977 disahkan.

Perintah ini telah dibuat untuk mengenakan cukai kastam atas barang-barang impot dan ekspot yang belum dikenakan cukai di Pulau Pinang sejajar dengan langkah menyatukan Pulau Pinang ke dalam kawasan kastam utama Malaysia yang berkuatkuasa pada 19hb Disember, 1977. Dengan Perintah ini maka penyelarasan semua cukai-cukai kastam di seluruh negara adalah selesai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 147 Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) 1977 yang

telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 106 tahun 1977 disahkan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PROFESION UNDANG-UNDANG (PINDAAN) (NO. 2), 1977

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.54 ptg.

**Menteri Undang-undang (Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976 dibaca kali yang kedua sekarang.

Izinkan saya menerangkan dengan secara ringkas latarbelakang dan sebab-sebab Kerajaan mengemukakan Rang Undang-undang ini bagi meminda Akta Profesion Undang-undang, 1976.

Sebagai yang kita maklum, pegganas kominis berazam hendak berkuasa dalam negara kita yang dikasihi ini secara kekerasan. Keganasan mereka telah berke-muncak dalam tahun 1973, 1974 dan 1975. Sebelum itu boleh dikatakan mereka hanya menumpu kegiatan mereka dalam hutan di tepi sempadan Thailand/Malaysia sahaja. Tetapi dalam tahun-tahun 1973, 1974 dan 1975 pegganas kominis dan anasir-anasir subversif telah mula menjalan keganasan yang kejam di kampung-kampung dan di bandar-bandar. Mereka telah membunuh pemimpin-pemimpin masyarakat, Pegawai-pegawai pasukan keselamatan, khasnya Pegawai-pegawai Polis Cawangan Khas, hatta Ketua Polis Negara dan juga Ketua Polis Perak. Mereka telah mengebom Tugu Peringatan Negara iaitu satu lambang mengingatkan kejayaan kita di dalam peperangan yang ber-

jalan selama lebih kurang 12 tahun dan mengebom satu pasukan polis yang sedang berbaris di Jalan Pekeliling, Kuala Lumpur di satu pagi pada masa yang lepas. Bank-bank Perdagangan telah dirompak dengan menggunakan senjata api oleh samada betul-betul perompak ataupun penjahat-penjahat kominis yang bersenjata yang memerlukan wang bagi menjalankan aktiviti-aktiviti dakyah mereka dan sebagainya.

Pendekata ketenteraman awam dan keselamatan Negara telah terancam. Mereka yang mengguna senjatapi bermaharajalela kerana mereka sedar sukar ditangkap oleh sebab orang awam tidak berani memberi maklumat — apatah lagi memberi keterangan sebagai saksi di Mahkamah. Kalau segala keganasan ini dibiarkan oleh Kerajaan dengan tidak mengambil satu-satu langkah yang tegas untuk mengatasinya, rakyat jelata akan hilang kepercayaan kepada Kerajaan, dan moral Ahli-ahli Pasukan Keselamatan kita akan hilang. Bagi mengatasi masalah inilah Kerajaan terpaksa dengan segera menggunakan kuasa Undang-undang Darurat dengan meluluskan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan), 1975, yang Ahli-ahli Yang Berhormat sudah maklum. Peraturan-peraturan ini telah mendapat bantangan hebat daripada Persatuan Peguam dalam tahun 1975 dan mereka mendesak Kerajaan supaya memansuhkan peraturan-peraturan perbicaraan itu atau meminda semua peruntukan yang difikirkan oleh Peguam tidak adil bagi pihak yang kena dakwa. Kerajaan telah membuat beberapa pindaan tetapi tidak semuanya sepertimana yang dituntut oleh persatuan peguam itu.

Semenjak tahun 1975 hingga pertengahan tahun 1977 lebih kurang 60 kes Keselamatan Dalam Negeri (I.S.A.) telah dibicarakan oleh Hakim dengan dibela oleh peguam-peguam yang ditempah (retainer) oleh pihak yang kena dakwa, atau dilantik (assigned) oleh Mahkamah. Lebih kurang 25 peratus daripada orang-orang yang dibicarakan kerana kesalahan memiliki senjatapi di bawah

perakuan masuk khas kepada mana-mana orang yang ada cukup berpengalaman undang-undang samada dari luar negeri

menjadi seorang ahli Majlis Peguam Malaysia atau Jawatankuasa Peguam Negeri atau mana-mana jawatankuasa badan-badan itu.

Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (I.S.A.) telah didapati tidak bersalah dan dibuang kes.

Pendekata, tuduhan peguam-peguam bahawa Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975 adalah semata-mata menolong dan menyenangkan pihak pen-

Lumpur yang dihadiri kurang daripada 200 orang dari jumlah 1,200 orang Ahli-ahli Peguam Malaysia. Mesyuarat itu telah meluluskan satu ketetapan menasihatkan semua peguam-peguam supaya jangan membela kes-kes I.S.A. yang dibicarakan secara ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975. Abibat ke

saya terangkan dari awal ucapan saya tadi ialah, supaya Ahli-ahli Bar Council atau Bar Committee mestilah terdiri daripada peguam-peguam yang difikirkan cukup pengalaman dan matang dan ada perasaan tanggungjawab. Adalah difikirkan pengalaman 7 tahun mencukupi.

Seksyen baru 46A (b) dan (c) pula adalah bertujuan menyekat ahli-ahli peguam yang aktif di dalam politik daripada menggunakan pengaruh dan pendirian politik dalam aktiviti-aktiviti Bar Council atau Bar Committee, kerana tugas-tugas badan-badan tersebut ialah menjaga kepentingan-kepentingan tugas-tugas dan perkara yang betul-betul berkaitan dengan profesion peguam.

Fasal-fasal 4 dan 5 Rang Undang-undang mengadakan pindaan-pindaan yang mengadakan peruntukan bagi bertambahnya koram mesyuarat agung Majlis Peguam dan Jawatankuasa-jawatankuasa Peguam dan bagi suatu kehendak lebih suara satu perlima daripada ahli-ahli yang hadir dan mengundi bagi perbincangan-perbincangan badan-badan itu. Tujuan pindaan ini ialah supaya apa-apa keputusan atau resolusi dibuat oleh Majlis Peguam pada masa akan datang adalah datang dari hasrat dan suara yang lebih ramai, bukan dari suara bilangan yang amat kecil seperti yang berlaku sekarang. Dengan pindaan ini adalah diharapkan lebih ramai lagi peguam-peguam tempatan tampil ke hadapan hadir di mesyuarat-mesyuarat agungnya supaya apa-apa keputusan adalah betul-betul mencerminkan hasrat peguam-peguam tempatan dan bukan hasrat satu bilangan kecil yang membuat satu keputusan yang melibatkan dan merugikan semua peguam-peguam tempatan.

Sebelum saya akhiri ucapan saya ini, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan

barang letupan. Suka saya menyatakan di sini sebaik sahaja saya menjalankan tugas, saya sendiri selaku Peguam Negara akan menyelidiki kes-kes yang melibatkan senjata api dan saya sendiri akan menentukan samada kes berkenaan di bawa ke Mahkamah di bawah Undang-undang I.S.A. ataupun di bawah undang-undang yang lain. Saya percaya dengan adanya perakuan ini, peguam-peguam akan tampil ke hadapan untuk membela kes-kes di bawah I.S.A. dan dengan itu tidak perlu lagi Peguam Negara menggunakan kuasanya di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengingatkan iaitu Kerajaan yang diberi kuasa dan mandat oleh rakyat negara ini akan tidak teragak-agak mengambil apa sahaja langkah atau tindakan yang perlu dengan mengadakan undang-undang baru atau meminda mana-mana undang-undang sekiranya keadaan negara dan keselamatan negara memerlukan kita berbuat demikian. Kepentingan orang awam dan kepentingan negara dari segi keselamatan adalah perkara yang menjadi pertimbangan utama bagi kita kerana kalaulah keselamatan terancam dan negara yang kita kasihi jatuh ke tangan anasir subversif atau kominis yang merancang merampas kuasa sekarang ini dengan cara kekerasan maka saya bimbang segala-galanya yang kita hargai sekarang, demokrasi dan ketuhanan undang-undang akan lenyap dari bumi negara Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah dan saya pohonkan Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan ini.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dr. Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

(Tuan Azahari bin Md. Taib mem-

bahagian di dalam perbahasan atas Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri Undang-undang dan Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, tadi kita dengar ucapan daripada Menteri yang berkenaan dan saya sendiri berharap apabila saya masuk ke Dewan ini sikap yang akan diambil oleh Menteri Undang-undang dan Peguam Negara yang baru akan berubah sedikit daripada bekas Menteri dulu. Tetapi nampaknya beliau masih menjalankan sikap yang dijalankan oleh bekas Menteri Undang-undang dan Peguam Negara. Malangnya sikap begini tidak mengadakan *rapport* antara Menteri yang berkenaan dengan Malaysian Bar.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri berharap juga Menteri Undang-undang yang baru sebagai seorang sportsman yang terkenal di tanah air kita boleh mengambil sikap yang lebih accommodating daripada sikap yang diambil oleh bekas Menteri Undang-undang. Tetapi malangnya sekali lagi ini tiada berlaku di dalam Dewan ini apabila kita dengar ucapan daripada Menteri yang berkenaan. Jika saya boleh menggunakan satu perkataan di dalam Bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menggunakannya: It is not cricket on the part of the Menteri Undang-undang dan Peguam Negara yang baru. Beliau sebagai seorang cricketer yang terkenal di tanah air kita mestilah memahami apa yang saya kata.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri berasa kesal di dalam politik di Malaysia, mulanya Kerajaan Perikatan dan kemudiannya Kerajaan Barisan Nasional sentiasa menggunakan sledge-hammer untuk membunuh seekor lalat. Ini saya sendiri berasa kesal. Nampaknya sikap "over kill" adalah digunakan oleh Kerajaan Perikatan mula-mulanya dan sekarang Kerajaan Barisan Nasional. Kedua-dua Kerajaan ini sentiasa over-react pada sesuatu situasi yang timbul di tanah air kita. Ini telah berlaku di antara Kerajaan dan Ahli-ahli Malaysian Bar.

Tuan Yang di-Pertua, pimpinan Bar Council di tanah air kita terdiri dari orang yang mahir di dalam undang-undang di tanah air kita dan mereka kebanyakannya atau boleh dikatakan lebih daripada 95% tidak mengambil bahagian di dalam politik di tanah air kita. Mereka juga boleh dikatakan mengambil sikap yang berkecuali di dalam politik di tanah air kita. Oleh itu, apa yang disebutkan oleh Malaysian Bar Council ialah bukan partisan politik.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan kita mengadakan undang-undang yang obnoxious, dan bukan untuk faedah rakyat jelata peguam-peguam di tanah air kita mesti membantah undang-undang tersebut khasnya kepada Essential (Security Cases) (Amendment) Regulations, 1975.

Tuan Yang di-Pertua, Kes-kes Keselamatan itu telah diadakan semenjak dua tahun yang sudah dan kita telah ada beberapa penganalanan tertentu. 60 orang telah discharge di bawah kes-kes tersebut dan 50 orang daripadanya convicted and sentenced to death. Kes-kes ini semua telah dibela (defended) oleh peguam-peguam kita di mahkamah. Peguam-peguam tersebut semuanya tidak berpuas hati tentang apa yang terjadi di Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca sedikit daripada kenyataan yang dikeluarkan oleh Raja Aziz Addruse, President of the Malaysian Bar Council, yang menyatakan:

*(Dengan izin)*

"In these trials, it has been found that the Regulations, by making admissible hearsay evidence, restricting the right of the accused persons to cross-examine witnesses for the prosecution, doing away with safeguards against forced confession and discarding other long established rules of evidence and procedure, have made it virtually impossible for the defence counsel to present a proper defence. In at least one case (the familiar 'Milk Tin' case), there is every reason to

believe that there has been an attempt to frame up the accused person. The Regulations, in fact, encourage conviction by the informer's evidence.

In these circumstances, most members of the Bar could not see what service they could render to an accused person tried under the Regulations. Their appearance in Court in these trials did not seem to have any significance beyond lending to the whole proceeding a semblance of respectability and impressing upon the world that to all intents and purposes the ritual of a proper trial had been observed and that the accused person has been properly convicted and deserved the mandatory sentence passed on him. It is this that the Bar is against and it is in this context that one must consider the feeling of the Bar when deciding to pass the Resolution.

It should not be forgotten that none of the reasons advanced by the Bar for objecting to the Regulations have been controverted by the Attorney-General or by any other Minister of the Government."

Tuan Yang di-Pertua, tadi kita dengar sebab-sebab Kerajaan telah mengadakan pindaan yang di hadapan kita pada petang ini. Kita sekarang ada sebab-sebab mengapa Malaysian Bar Council ataupun peguam-peguam di seluruh tanah air kita bukan tidak berpuas hati tentang Essential (Security Cases) (Amendment) Regulations, 1975, tetapi mereka membantah terhadap kes-kes tersebut dan mereka telah mengatakan bahawa mereka akan membantah tentang regulations tersebut sehingga regulations tersebut diubah, dipinda atau dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, Raja Aziz juga menyeru Kerajaan mengadakan pindaan yang sesuai sebelum pindaan yang di hadapan kita dikemukakan di dalam Dewan ini. Dan Malaysian Bar Council juga telah mendesak Kerajaan mengadakan rundingan dengannya tentang pindaan tersebut, malangnya bekas Menteri Undang-undang dan Peguam Negara tidak bersetuju dengan cadangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga diingatkan "a show of strength is not the way out of the *impasse*". Tetapi beliau menyatakan kalau sekiranya Kerajaan atau Menteri yang berkenaan boleh mengadakan rundingan dengan Bar Council secara aman dan damai mereka berharap kedua-dua pihak boleh dapat solution yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, Bar Council tiada mencari satu confrontation dengan Kerajaan, tetapi nampaknya Kerajaan berkehendak menunjukkan "mailed fist" kepada peguam-peguam di tanah air kita. Saya sendiri telah berharap Menteri Undang-undang dan Peguam Negara yang baru boleh menjadi seorang yang lebih "accommodating" kepada peguam-peguam dan Bar Council di tanah air kita. Beliau sebagai seorang peguam dan sebagai seorang yang telah memegang jawatan yang tinggi di dalam Attorney-General's Chambers tentulah sedar apakah kesusahan dan kesulitan peguam-peguam di tanah air kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada 18hb Oktober, 1977 lebih daripada 200 orang peguam di tanah air kita telah mengadakan satu mesyuarat untuk membincangkan Essential (Security Cases) (Amendment) Regulations, 1975 dan mereka telah mengambil satu resolution untuk menasihatkan ahli-ahli Malaysian Bar supaya mereka enggan mewakili orang yang dicharge di bawah Regulations tersebut. Selepas itu, saya merasa bangga, peguam-peguam di tanah air kita telah enggan mewakili orang yang dicharge di bawah Regulations tersebut di Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dibawa oleh Menteri Undang-undang dan Peguam Negara ialah pindaan yang paling penting kepada legal profesion di tanah air kita. Kalau sekiranya Dewan ini meluluskan pindaan itu, kita mesti sedar kuasa untuk mengawal (control) legal profesion telah diletakkan di dalam tangan Peguam Negara. Saya hendak bertanya kepada Dewan ini dan kepada Peguam Negara juga, adakah sesuai kita letak

begitu banyak kuasa di dalam tangan seseorang di tanah air kita. Di manakah ada checks and balances yang kita sentiasa mengadakan kalau kita mengadakan undang-undang di tanah air kita; tiada checks and balances kalau sekiranya pindaan yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan diluluskan oleh Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 di dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Peguam Negara boleh dikatakan memberi *carte blanche* kepada Peguam Negara untuk membuat apa-apa yang beliau suka dan kalau beliau menyatakan: Seorang "A" sesuai menjadi peguam di tanah air kita dan sijil itu dibawa kepada Hakim di Mahkamah Tinggi. Beliau tiada kuasa untuk menolak sijil itu tetapi beliau cuma boleh siasat sijil itu benar atau tidak dan kemudiannya luluskan (admit) orang itu dan dimasukkan kepada Malaysian Bar. Saya rasa kuasa ini boleh disalahgunakan oleh Kerajaan dan saya berharap Menteri yang berkenaan boleh memberi jaminan di dalam Dewan ini, beliau sendiri akan siasat tiap-tiap kes sebelum beliau menulis atau tandatangani sijil tersebut.

Fasal 3 syaratkan, seperti yang disebutkan oleh Menteri yang berkenaan bahawa seseorang yang ingin menjadi ahli Bar Council mesti ada tujuh tahun pengalaman sebagai peguam di tanah air kita. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan adakah beliau sedar di dalam lain-lain profesion di tanah air kita seumpama doktor-doktor, accountants, surveyors, jurutera (engineers) dan sebagainya tiada restrictions seperti ini. Saya tiada sedar dan langsung tiada sijil seperti ini untuk doktor-doktor seperti yang saya tahu. Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjadi ahli Malaysian Medical Council selama 20 tahun lebih dan saya tiada sedar ada restrictions seperti ini yang menyatakan: "Anda mesti ada tujuh tahun pengalaman sebagai doktor sebelum anda boleh bertanding untuk menjadi ahli Malaysian Medical Council". Saya berharap Menteri yang berkenaan di dalam jawapannya boleh

memberi jawapan yang lebih sesuatu tentang kes atau issue ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, seorang yang telah menjadi Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Negara atau Ahli Majlis Dewan Undangan Negeri masing-masing tidak boleh menjadi Ahli Bar Council atau Bar Committee dan selain daripada itu, seorang yang telah memegang jawatan dalam trade union atau political party atau lain badan yang boleh di dalam fahaman Menteri Undang-undang ialah satu badan politikal tidak boleh menjadi Ahli Bar Council atau Bar Committee.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat bekas Perdana Menteri sendiri menyatakan lebih daripada setengah Kabinetnya ialah terdiri daripada peguam dan saya tidak sedar pada masa sekarang Kabinet kita kebanyakannya ialah terdiri daripada peguam juga dan ketiga-tiga Perdana Menteri yang kita ada selepas kemerdekaan — Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan pada masa sekarang Datuk Hussein Onn, semuanya telah menjadi peguam. Kita semua berasa bangga mereka ialah peguam dan telah mencapai jawatan yang tertinggi di tanah air kita, jawatan sebagai politician di dalam tanah air kita tetapi malangnya mengikut di dalam pindaan yang ada sekarang kalau mereka ingin menjadi Menteri atau Perdana Menteri tidak boleh menjadi Ahli Bar Council atau Bar Committee.

Saya masih ingat di sini juga kedua-dua adik-beradik — the Seenivasagam brothers: Datuk S.P. Seenivasagam dan adiknya Datuk D.R. Seenivasagam, kedua-duanya ialah dua Ahli Dewan Rakyat yang terkenal dan termasyhur di tanah air kita dan Datuk Seenivasagam, saya berpendapat selama lebih 10 tahun juga ialah Ketua Bar Committee di Perak dan beliau juga menjadi Ahli Bar Council. Mereka telah tidak membuat apa-apa kesalahan, mereka terkenal di antara ahli-ahli di dalam Dewan ini dan di dalam profesionnya, tetapi mengikut kata Kerajaan,

orang yang menjadi peguam dan politician tiada boleh memegang jawatan di dalam profesionnya dan political party juga.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tiada salah dengar Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa Fasal 4 dan 5 telah membuat pindaan supaya lebih peguam di tanah air kita boleh bersuara, lebih ramai boleh diadakan untuk didengar, kalau pindaan tersebut diluluskan. Saya menyatakan pindaan tersebut boleh membunuh profesionnya. Pindaan tersebut menyatakan bahawa quorum untuk mesyuarat sekarang bukannya 50 ahli untuk Bar Council tetapi 1/5 of the total membership. Saya berpendapat bahawa total membership peguam akan sampai juga seramai 2,000 orang ahli tidak berapa lama lagi. 1/5 bermakna 400 peguam terpaksa menghadiri di dalam mesyuarat tahunan sebelum mesyuarat tersebut boleh diadakan.

Saya hendak bertanya kepada Menteri Undang-undang, bolehkah Kerajaan menjamin kalau sekiranya Malaysian Bar mengadakan mesyuarat tahunannya untuk mendapatkan 400 orang ahli? Di antara doktor-doktor, saya sedar doktor-doktor yang berdaftar di tanah air kita ialah 2,000 orang lebih sentiasa tiap-tiap tahun apabila kita mengadakan mesyuarat tahunan tidak lebih daripada 200 ahli hadir di mesyuarat tahunan. Kalau kita naikkan quorumnya sehingga 400 orang ahli saya berani menyatakan bahawa doktor-doktor di tanah air kita tidak boleh mengadakan mesyuarat tahunan atau apa-apa mesyuarat di tanah air kita. Adakah ini tujuan Kerajaan untuk meninggikan quorumnya daripada 50 hingga 1/5? Begitu juga biasanya di mana-mana di tanah air atau di luar negeri juga untuk meluluskan satu resolusi, kita cuma berkehendakkan satu simple majority sahaja, tetapi di dalam pindaan yang dikehendaki oleh Menteri yang berkenaan sekarang Kerajaan berkehendakkan  $\frac{2}{3}$  of those present voting. Ini bermakna Kerajaan berkehendakkan peguam-peguam kita tidak boleh meluluskan apa-apa resolusi yang dikehendaki oleh mereka.

Apakah yang saya sendiri kuatir, Tuan Yang di-Pertua, dan ahli-ahli profesion lain di tanah air kita sekarang oleh sebab peguam-peguam di tanah air kita tiada bekerjasama dengan Kerajaan, maka Kerajaan telah mengadakan pindaan yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan supaya terpaksa mereka bekerjasama dengan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya esok doktor-doktor seumpama housemen di tanah air kita tidak ada, mereka hendak work-to-rule, Menteri Kesihatan membawa pindaan seperti ini untuk memaksa doktor-doktor atau housemen di tanah air kita bekerjasama dengan Kerajaan, bukan sahaja doktor, juru-tera, surveyor dan akauntan bahkan lain-lain profesion, Tuan Yang di-Pertua. This is the thin edge of the wedge yang dikuatirkan oleh profesion-profesion di tanah air kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberitahu kepada Menteri yang berkenaan the mailed fist is not the answer kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh Kerajaan. Walaupun saya sedar pindaan yang dikehendaki oleh Kerajaan akan diluluskan oleh Dewan ini hari ini juga tetapi saya berharap Menteri Undang-undang dan Peguam Negara yang baru sekarang akan mengadakan perundingan dengan Bar Council dan peguam-peguam di tanah air kita supaya kedua-dua pihak boleh bekerjasama di tanah air kita.

4.43 ptg.

**Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh):** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Menteri Undang-undang dan Peguam Negara yang baru di atas perlantikan beliau. Saya berharap dan berdoa bahawa suasana yang muram yang terdapat sekarang akan hilang dan suasana kerjasama di antara Majlis Peguam dan pihak Kerajaan akan bertambah erat lagi. Ini amat penting kerana pendapat dan sebagainya bukan terdapat daripada pihak Kerajaan sahaja. Pendapat, pandangan yang bernas dan berisi terdapat juga misalnya di profesion

peguam kerana kedua-dua pihak ini mendapat latihan, didikan daripada guru yang sama. Oleh sebab itu, pada masa hadapan kita berharap bahawa pandangan, pendapat yang dikemukakan oleh Majlis Peguam akan diterima dengan baik oleh pihak Kerajaan kerana dalam Dewan yang mulia ini juga sudah tiga kali, kalau saya tidak silap membuktikan bahawa pihak Kerajaan tersilap dalam menggubalkan undang-undang. Misalnya, pindaan kepada Perlembagaan. Sungguhpun pihak Kerajaan mengatakan dua tahun perkara ini telah dibincang baru dikemukakan ke Dewan yang mulia ini tetapi malangnya dalam masa dua hari sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang Mulia ini yang dapat didikan, latihan guaman dapat mengesan kecacatan Rang Undang-undang itu dan dipinda dalam peringkat Jawatankuasa.

Satu lagi contoh Rang Undang-undang Orang-orang Papa. Ini juga menunjukkan bahawa kesilapan terdapat di pihak Kerajaan. Begitu juga Rang Undang-undang Dadah. Terdapat kesilapan di pihak Kerajaan. Oleh sebab itu, perlu sangatlah bahawa pihak Kerajaan terutama sekali Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menerima atau memberi perhatian yang berat di atas pendapat-pendapat, sumbangan-sumbangan yang mungkin dapat diberi oleh Majlis Peguam.

Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara tadi telah memberi sedikit-sebanyak latarbelakang mengapa Rang Undang-undang ini dikemukakan iaitu hasil daripada krisis kalau boleh dikatakan krisis di antara peguam-peguam dan Kerajaan di mana Majlis Peguam dalam mesyuarat tergepar mereka telah mengambil satu keputusan menasihati peguam-peguam supaya enggan membela kes-kes di bawah I.S.A. dan tindakan ini ataupun keputusan ini telah mendapat tentangan, kecaman dan kadangkadangkang sokongan daripada segenap lapisan masyarakat dan kecaman yang terakhir sekali kalau tidak silap saya pada minggu sudah iaitu dalam satu majlis di Mahkamah Tinggi

untuk memberi tahniah kepada seorang pegawai Kerajaan yang telah dilantik menjadi Hakim Mahkamah Tinggi. Dalam ucapan Peguam Kanan Persekutuan sebagai mewakili Peguam Negara telah mengemukakan juga tindakan ini. Tetapi nasib baik pihak Yang di-Pertua ataupun Pengerusi Majlis Peguam tidak ambil cabaran ini dan mungkin menjadikan majlis kerajaan itu sebagai satu majlis pertelingkahan lidah. Dan ini kita mengucapkan tahniah kepada Pengerusi Majlis Peguam, Raja Aziz Addruse, kerana tidak mengambil cabaran itu. Tuduhan ini pada fikiran saya kurang tepat. Untuk memahami mengapakah keputusan itu diambil beberapa perkara mesti dikaji.

Yang pertama kerana tindakan pihak pendakwa mendakwa semua mereka yang memiliki senjata di bawah I.S.A. kecuali Yang Berhormat Datuk Abdullah Ahmad. Yang kedua, ialah beberapa peruntukan di bawah Peraturan 1975. Satu daripada peruntukan itu ialah menerima percakapan yang dibuat kepada seorang pegawai polis sebagai keterangan di mahkamah. Ini satu perkara yang pada fikiran saya merbahaya dan saya berharap Menteri yang berkenaan akan mengkaji semula berdasarkan kepada kejadian-kejadian ataupun kejadian yang kita baca dalam suratkhbar di atas perbicaraan di mana seorang yang disyaki memecah rumah telah dibelasah sehingga mati dalam kawasan Balai Polis. Kejadian ngeri dan dahsyat ini akan menjadi satu pedoman kepada Menteri yang berkenaan untuk mengkaji semula setakat manakah percakapan yang diberi oleh mereka yang kena tuduh kepada pegawai polis, voluntary ataupun confession. Kalau betul-betul voluntary peruntukan undang-undang telah ada di bawah Evidence Ordinance untuk confession, tidak perlu kita mengadakan satu peruntukan baru di mana keterangan-keterangan voluntary boleh diberi kepada pegawai polis dan boleh diterima di mahkamah sebagai keterangan. Ini juga yang menjadi satu perkara yang kurang senang oleh pihak-pihak peguam yang membela mereka yang kena tuduh.

Yang ketiga, satu daripada peruntukan dalam Peraturan-peraturan Perlu 1975 juga ia ada perbicaraan dengan melindungi mereka yang memberi keterangan misalnya, pakai topeng, hood dan sebagainya.

Satu lagi yang menimbulkan kegelisahan iaitu mengambil kuasa yang diberi kepada hakim-hakim untuk menentukan samada pihak pendakwa telah membuktikan sepenuhnya bahawa seseorang itu telah membuat kesalahan sebelum orang salah itu diperintah oleh mahkamah memberi keterangan membela diri. Selain dari itu juga mengambil kuasa daripada mahkamah untuk menghukumkan kadar yang patut. Oleh sebab itu pada fikiran saya dengan adanya peruntukan-peruntukan inilah yang menimbulkan satu suasana yang menyebabkan Majlis Peguam mengadakan mesyuarat tergepang yang mengambil keputusan seperti berikut.

Saya yakin dan percaya bahawa pendapat-pendapat mereka itu ada alasan, misalnya, seperti saya katakan tadi seorang budak yang disyaki memecah rumah telah mati dalam lokap hasil daripada pukulan oleh pegawai-pegawai Polis dan untuk Pegawai Peguam Kanan Persekutuan yang mewakili Peguam Negara dalam upacara itu menuduh bahawa tindakan peguam tidak bertanggungjawab. Pada fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, ini juga kurang tepat kerana profesion peguam ialah "time-honoured profession". Tidak terlintas di hati seseorang peguam untuk mencabar Kerajaan, untuk mencabar undang-undang, kerana kalau tidak ada manusia-manusia yang berkelulusan undang-undang, undang-undang juga tidak ada, Perlembagaan juga tidak ada. Dan di dalam banyak profesion, saya berani mengatakan di sini bahawa profesion peguam adalah yang sangat dihormati — "time-honoured profession". Profesion peguam bukan wujud dua-tiga tahun, malah beratus-ratus tahun. Jadi untuk menuduh bahawa profesion peguam bertindak dengan tidak bertanggungjawab dengan mencabar undang-undang yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada fikiran saya

ini kurang tepat. Mungkin hasil daripada kejahilan dan kejahilan itu timbul hasil daripada keengganan meneliti, menyoal dan menerima pendapat.

Sebagaimana Yang Berhormat Menteri menyatakan tadi bahawasanya negara kita sekarang menghadapi satu ancaman musuh, ancaman subversif. Itu memang saya akui dan saya berani mengatakan di sini bahawa tugas kita untuk mempertahankan dan menewaskan mereka yang bertujuan untuk menggulingkan Kerajaan dengan cara lain daripada cara yang disahkan oleh undang-undang. Dan ada juga, disebut bahawasanya kalau tidak ada Peraturan-peraturan Perlu 1975 ini satu kemungkinan akan timbul di mana saksi-saksi akan enggan tampil ke hadapan untuk memberi keterangan. Kalaulah itu betul, pada fikiran saya pihak Kerajaan mesti bersyukur, tadah tangan kerana peguam-peguam enggan membela mereka itu. Jadi mengapa pula Kerajaan sendiri mengadakan satu undang-undang yang memestikan supaya mereka itu dibela kecuali kita akan terpaksa menghadapi satu soalan: adakah kehadiran peguam di mahkamah untuk membela mereka itu sebagai satu semblance of respectability kepada perbicaraan tersebut. Kalau itulah tujuannya, saya ingat salah tekaan Kerajaan kerana tidak ada seorang peguam yang bermaruah yang akan menghadiri dalam perbicaraan tanpa tujuan lain kecuali memberi semblance of respectability kepada perbicaraan itu. Kalau tidak kerana itu mengapa pula Kerajaan mendesak supaya seseorang yang kita tahu sudah jadi penjenayah, penghasut dan pengkhianat mesti juga dibela. Saya ingat soalan yang saya kemukakan ini tidak siapa yang dapat menjawab kecuali keikhlasan dan kejujuran sahaja dapat menentukan apakah jawapan kepada soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh di atas Rang Undang-undang ini, saya cuma ingin merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya apabila Rang Undang-undang ini

diluluskan ditangguhkan sedikit pelaksanaannya kerana saya nampak, misalnya, Fasal 2 iaitu Bahagian IIA — Seksyen 28 membenarkan peguam-peguam daripada luar untuk membolehkan mereka itu menjadi peguambela dan peguamcara di Mahkamah Tinggi dengan satu sijil sahaja daripada Peguam Negara. Saya tidak setuju pandangan pihak Pembangkang mengatakan Menteri yang berkenaan akan menyalahgunakan. Sungguhpun beliau boleh menyalahgunakan, tetapi saya tak percaya Yang Berhormat Menteri akan menyalahgunakan kuasa itu tetapi saya rasa musykil sedikit mengapakah Seksyen 28A ini dibuat begitu rupa dan begitu bentuk, padahal kalau saya tak silap tahun sudah dalam satu kes perbicaraan di mahkamah di Kuala Lumpur, pihak yang kena tuduh meminta supaya peguam luar dibenarkan membela beliau, tetapi malangnya permohonan itu ditolak. Jadi sekarang bukan diminta oleh yang kena tuduh tetapi diberi oleh pihak Kerajaan sendiri. Oleh sebab itu, saya harap Menteri yang berkenaan akan mengawasi Fasal ini supaya kepada kes-kes yang tertentu sahaja diberi sijil kepada mereka untuk menghadiri sebagai peguambela dan peguamcara di mahkamah di Malaysia.

Saya setuju di atas Fasal 3 iaitu Seksyen 46 A (a) yang berbunyi:—

“46A. (1) Seseorang adalah tidak berkelayakan untuk menjadi ahli Majlis Peguam atau sesuatu Jawatankuasa Bar, atau ahli mana-mana jawatankuasa Majlis Peguam atau sesuatu Jawatankuasa Bar—

(a) melainkan ia adalah atau telah menjadi seorang peguambela dan peguamcara selama tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun, atau selama tempoh-tempoh yang jumlahnya beramaun tidak kurang daripada tujuh tahun;”

Ini cuma dijadikan undang-undang. Pada ketika ini, pada fikiran saya tidak ada seorang dalam Jawatankuasa Bar Committee ataupun Majlis Peguam yang kurang daripada pengalaman 7 tahun. Tetapi di atas syarat-syarat (b)

dan (c), pada fikiran saya, mereka yang tidak layak menjadi ahli di sesuatu Jawatankuasa Bar atau Majlis Peguam, jika ia adalah seorang Ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat atau seorang Ahli sesuatu Dewan Undangan Negeri atau seorang Ahli satu pihak Berkuasa Tempatan atau jika ia memegang apa-apa jawatan di dalam sesuatu Kesatuan Sekerja atau sesuatu Parti Politik dan sebagainya.

Pada fikiran saya dengan adanya Undang-undang ini, kita akan menafikan sumbangan yang boleh diberi oleh mereka ini kepada Jawatankuasa Peguam ataupun Majlis Peguam, kerana mereka inilah yang berdamping rapat dengan masyarakat lain daripada lain-lain pertubuhan. Kalau kita tidak membenarkan mereka ini menjadi Ahli Jawatankuasa Bar atau Majlis Peguam, pada fikiran saya kita akan menafikan sumbangan yang begitu bernas, sumbangan yang begitu berisi kepada Majlis Peguam dan Jawatankuasa Bar dan kalau ini berlaku dengan sendirinya Kerajaan akan hilang sumbangan yang baik yang mungkin diberi oleh Majlis Peguam atau Jawatankuasa Bar. Oleh sebab itu, saya menyeru kepada Menteri yang berkenaan supaya mengkaji semula di atas kebijaksanaan, kewajaran fasal ini dijadikan sebagai Undang-undang. Kalau tidak, kita akan dapati satu kumpulan manusia dalam Jawatankuasa Bar ataupun dalam Majlis Peguam yang cetek benar pengalaman mereka dalam bidang kemasyarakatan, dalam masaalah-masaalah masyarakat dan kemasyarakatan ini cuma diketahui lebih oleh mereka yang disebutkan dalam perenggan (b) dan (c).

Berkaitan dengan Fasal 4 Seksyen 67, saya bersetuju benar bahawasanya sekarang mestilah ada satu perlima, tetapi kalau kita kaji betul-betul, inipun cuma dijadikan Undang-undang. Pada masa sekarang juga misalnya dalam mesyuarat yang baharu lalu lebih daripada 200 peguam hadir daripada jumlah keahlian, kalau saya tidak silap 980, orang peguam. Ini sudah lebih daripada satu perlima. Oleh sebab itu, saya menyokong

Fasal 4 ini, tetapi saya musykil perkara keputusan dalam Mesyuarat Agung Bar Malaysia hendaklah diputuskan dengan undi tidak kurang daripada dua pertiga daripada bilangan ahli-ahli yang hadir dan mengundi. Adakah ini termasuk semua keputusan samada keputusan yang mustahak atau tidak mustahak, samada keputusan oleh peguam, samada hendak mengadakan sukan dengan negara jiran mesti mendapat keputusan yang berkaitan dengan perkara-perkara yang begitu penting sahaja termasuk dalam fasal ini. Sebab kalau kita baca daripada Rang Undang-undang ini segala keputusan, mungkin mengadakan majlis tari-menaripun mesti ada dua pertiga juga. Oleh sebab itu, saya minta Yang Berhormat Menteri kalau tidak keberatan memberi sedikit penjelasan di atas fasal ini dan selain daripada itu saya harap Menteri Undang-undang dan Peguam Negara yang baharu akan menjalankan tugas beliau dengan saksama terutama sekali penjelasan beliau yang diberi dalam Dewan yang mulia ini mengatakan bahawa tiap-tiap kes memiliki senjata akan diteliti oleh beliau sendiri sebelum ditentukan di bawah peruntukan Undang-undang manakah pemilik senjata itu akan didakwa di Mahkamah.

5.06 ptg.

**Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran):** Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh Kerajaan adalah terang dan nyata.

Pada 18hb Oktober, 1977 Majlis Peguam telah meluluskan satu Usul iaitu menasihatkan ahli-ahlinya supaya jangan lagi membela Kes-kes Keselamatan, kerana mengikut kepercayaan mereka bahawa pindaan Undang-undang mengenai perkara ini adalah merupakan repressive dan bertentangan dengan the Rule of Law. Kita harus mengkaji kita harus menyedari, apakah akibat daripada Usul ini, apakah kesan yang ditinggalkan oleh Usul ini terhadap Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5, (3) di bawah Perlembagaan Persekutuan ada mengatakan, dengan izin:

“(3) Where a person is arrested he shall be informed as soon as may be of the grounds of his arrest and shall be allowed to consult and be defended by a legal practitioner of his choice.”

Ini adalah satu hak asasi manusia yang dijamin oleh Perlembagaan khususnya kepada mereka yang telah ditahan dan menghadapi tuduhan.

Jikalau pihak semua peguam di negara ini telah mematuhi nasihat Bar Council (Majlis Peguam) maka nampaknya mereka yang telah dituduh, yang telah ditahan khususnya di bawah Kes-kes Keselamatan tidak mendapat jaminan akan khidmat peguam untuk membela mereka di dalam perbicaraan. Jadi, saya berpendapat Usul Peguam ini adalah menggugat Perlembagaan. Dan tujuan Kerajaan di dalam hal ini, tujuan Kerajaan untuk meminda Legal Profession Act ini bukanlah bertujuan politik, bukanlah bertujuan untuk memberi faedah kepada suatu parti politik tetapi cuma bertujuan untuk menjamin keutuhan Perlembagaan. Jadi, dengan itu saya memberikan sepenuh sokongan kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Peguam sebagai suatu pertubuhan memanglah berhak memberikan pandangan mereka. Apabila mereka merasakan bahawa ada sesuatu perubahan asas kepada undang-undang yang juga melibatkan profesion mereka, ini adalah hak mereka. Saya percaya sebelum Kerajaan membentangkan Industrial Co-ordination Act barangkali Kerajaan juga menggalakkan pandangan-pandangan daripada berbagai-bagai badan perniagaan. Dan sudah semestinya sebelum Kerajaan mengemukakan Ucapan Belanjawan Kerajaan telah meminta daripada berbagai-bagai sektor dan berbagai-bagai pertubuhan supaya memberikan pandangan mereka itu mengenai masalah

ekonomi pada tahun akan datang iaitu sebelum Budget Speech itu dibaca di dalam Dewan yang mulia ini. Ini adalah merupakan satu perkara yang baik, satu perkara yang sihat semoga dengan adanya pandangan-pandangan seperti ini maka pihak Kerajaan dapatlah menilaikan dengan sehalus-halusnya akan kebaikan sesuatu pertukaran itu dan apakah implikasi pertukaran itu pada pihak-pihak yang berkenaan. Jadi demikian juga dengan Bar Council. Bar Council berhak memberikan pandangan mereka, menasihatkan Kerajaan ataupun memberitahu Kerajaan akan pendapat mereka tetapi sebagai satu pertubuhan intelek tentulah sepatutnya Bar Council mengetahui di manakah tugas mereka itu bermula dan di manakah tugas mereka itu berakhir.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat tugas Bar Council bermula apabila Bar Council ini mendapati suatu perubahan kepada undang-undang yang akan berlaku dan ini akan melibatkan perkara asasi undang-undang ataupun melibatkan profesion mereka. Mereka berhak memberikan pandangan, mereka berhak menonjolkan pandangan untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan tetapi setelah Kerajaan menimbangkannya daripada segala aspek dan Kerajaan menolaknya di atas sesuatu kepentingan negara, maka di situlah berakhirnya tugas Majlis Peguam.

Majlis Peguam mesti mengutamakan kepentingan negara lebih daripada segala-gala. Pada hemat saya juga Majlis Peguam ini sebagai suatu organisasi intelek yang bertanggungjawab dan harus juga menyedari akan tanggungjawab mereka selain daripada menjaga kepentingan iktisad semata-mata. Mereka seharusnya menyedari sebagai pertubuhan, sebagai individu yang mereka ini juga mempunyai tanggungjawab untuk mewujudkan keamanan dan kestabilan menerusi proses undang-undang. Saya tahu semua peguam dalam negara ini tahu akan kedudukan keselamatan di negara ini, tetapi kata mereka pindaan kepada undang-undang ini ataupun peraturan khas mengenai Kes-kes

Keselamatan adalah against the rule of law. Jadi, seolah-olahnya semua Menteri-menteri yang berkelulusan undang-undang kerana mereka telah menjadi Menteri tidak lagi hiraukan kepada the rule of law.

Tuan Yang di-Pertua, the rule of law adalah merupakan satu subject yang sangat luas ertinya. Semenjak zaman Dicey lagi sudah dibincangkan the rule of law bahkan dahulu daripada itu lagi. Tetapi saya ingin menanyakan kepada Majlis Peguam, samada peraturan khas di bawah Kes-kes Keselamatan itu adalah bertentangan dengan the rule of law yang sebenar. Mungkin saya kurang mahir di dalam perkara the rule of law tetapi setakat apa yang saya ketahui the rule of law mengenai kes-kes jenayah hanya dapat diberi pengertian sepenuhnya di dalam Declaration of Delhi 1959 dan di sini kita patut menilai samada peraturan khas yang kita adakan itu bertentangan dengan the rule of law. Kita tengok di sini apakah ertinya, apakah kita yang kurang dan apakah yang kita ada supaya dapat menilaikan dengan sebaik-baiknya. Declaration of Delhi 1959 mengatakan mengenai dengan Criminal Process:—

- (1) *A Fair Trial*: A fair trial involves such element as certainty of the criminal law. Certainty of the criminal law — kita ada.
- (2) The presumption of innocence — kita ada. Sungguhpun seseorang itu telah discharged di bawah Kes Keselamatan dan sungguhpun keterangan kepada polis boleh dipakai sebagai keterangan di dalam mahkamah tetapi ia masih belum disabitkan.
- (3) Reasonable rules relating to arrest — kita ada.
- (4) Accusation and detention pending trial — kita ada.
- (5) The giving of notice and provision for legal advice — kita ada. Tetapi cuma Majlis Peguam cuba mengatakan tidak ada dengan Usul ini.
- (6) Public trial — kita ada.

- (7) Rights of appeal — kita ada.  
 (8) An absence of cruel or unusual punishment — kita tidak ada.

Inilah yang diterima oleh Jurists di dalam Declaration of Delhi 1959 mengenai dengan perkara-perkara jenayah yang mengikut peraturan the rule of law yang semua ini saya rasa kita ada. Jadi, saya tidak dapat menerima apa yang dikatakan oleh Majlis Peguam bahawa peraturan-peraturan khas itu adalah bertentangan dengan the rule of law.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali Majlis Peguam kurang mengetahui akan keadaan keselamatan yang sebenar. Barangkali Majlis Peguam belum mengetahui ada di antara askar-askar kita sekarang yang telah mempunyai 9 tahun pengalaman meminta berhenti disebabkan apa; disebabkan, kata mereka, kalau betul-betul peperangan seperti conventional war, kami tidak takut tetapi kami takut ialah jerat, jerangkap-samar, bukan jerangkap-samar di dalam belukar tetapi jerangkap-samar di tengah-tengah bandar. Barangkali Majlis Peguam tidak mahu mengetahui apa yang berlaku di Daerah Raub di mana pembunuhan telah berlaku disebabkan oleh anasir-anasir kominis, 4 orang telah terbunuh dengan secara kejam di dalam masa lingkungan sebulan. Perkara inilah yang menyebabkan mereka sungguhpun sebilangan kecil daripada mereka berasa yang morale mereka itu telah jatuh.

Dan saya ingin juga mengetahui daripada Majlis Peguam ini adakah mereka sebenarnya menganggap bahawa the Rule of Law ini merupakan the rule of the Quran or the rule of the Bible yang tidak boleh ditukar oleh masa dan apakah jaminan-jaminan bahawa peraturan Undang-undang Jenayah hari ini tidak dapat dieksploitasikan oleh pihak anasir-anasir kominis. Kita sedang menghadapi peperangan, barangkali kominis menghadapi war of attrition (perang urat saraf). Pihak-pihak kominis sentiasa akan mencari kelemahan-kelemahan, bukan sahaja daripada kelemahan-kelemahan ekonomi,

pemerintahan, politik dan sebagainya, tetapi mereka juga sentiasa mengeksploitasikan kelemahan undang-undang.

Sekarang ini kita sudah membuat precedent barangkali yang budak berumur 14 tahun itu kita mintakan pengampunan. Apakah jaminan bahawa kominis pada masa hadapan tidak dapat menggunakan budak berumur 10 tahun ataupun 11 tahun yang barangkali mengikut peraturan undang-undang biasa tidak dapat dibicarakan di dalam mahkamah biasa bahkan hendaklah dibicarakan di dalam Mahkamah Juvenile. Jadi apakah ujian peraturan undang-undang yang ada hari ini yang boleh memberi jaminan bahawa undang-undang ini tidak dapat diambil kesempatan oleh anasir-anasir kominis. Tidak ada jaminan. Dan jikalau tidak ada jaminan, mengapakah kita mempertahankan satu perkara yang telah dianggap oleh dunia standard seperti Evidence Act yang ada sekarang ini yang dianggap standard, tetapi kita mesti mempertahankan itu oleh kerana kita anggap perkara ini adalah perkara norm, perkara biasa yang diterima oleh semua negara, mungkin diterima oleh negara lain, tetapi samada perkara ini boleh menjamin keperluan kita mengikut keadaan yang ada pada hari ini. Bahkan caution statement sekalipun, caution statement yang dianggap baik, yang dianggap kuat yang boleh digunakan oleh pihak pendakwa masih boleh kita buang dengan cara-cara, dengan peraturan yang ada sekarang ini. Jadi boleh dikatakan seluruh Evidence Act sekarang ini memang memberi kesempatan yang lebih kepada orang-orang yang dituduh tetapi perkara ini susah kita hendak ungkit-ungkitkan kerana perkara ini telah menjadi satu perkara yang kita katakan norm, standard, satu perkara biasa tetapi masalah yang kita hadapi ialah samada perkara biasa ini perkara yang peraku di antara bangsa sebagai baik boleh menjamin keselamatan kita. Inilah yang Majlis Peguam patut fikirkan kembali dan saya berharap Majlis Peguam dapat juga barangkali menarik Usul dan berdialog dengan Menteri Undang-undang yang baru. yang

dianggap oleh semua pihak sebagai flexible. Dan akhirnya mengenai dengan Rang Undang-undang itu sendiri saya berharap pengambilan peguam daripada luar itu betul-betul menjadi satu enabling clause, sebelum Menteri Undang-undang menguatkuasakan peruntukan ini saya berharap Menteri Undang-undang hendaklah terlebih dahulu mengeluarkan circular, menghantar circular kepada tiap-tiap peguam di dalam negara ini bertanya samada mereka bersedia ataupun tidak berkhidmat membela Kes-kes Keselamatan. Saya percaya kalau Menteri Undang-undang membuat demikian barangkali lebih daripada 50% peguam di negara ini akan bersedia kerana saya percaya jikalau enabling clause ini digunakan tanpa cermat maka ini akan mendatangkan beberapa kekusutan dan barangkali tak usahkan pihak Menteri berkenaan hendak merapatkan hubungan dengan Bar Council, malah itu akan merenggangkan lagi.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya di atas Rang Undang-undang ini.

5.25 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sedikit pandangan terhadap Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di atas perlintikannya sebagai Menteri Undang-undang dan saya berharap beliau akan dapatlah menimbulkan satu suasana yang baik untuk memperbaiki perhubungan di antara pihak Majlis Peguam dengan pihak Kerajaan atas kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, selepas saya mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya sangat-sangat menyokong

hujjah-hujjah yang telah dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang (Pindaan) yang di hadapan kita hari ini adalah satu Rang Undang-undang yang amat mengancam yang mana adalah digubal dan dibawa ke Parlimen untuk diluluskan sebagai satu tindakan membalas dendam terhadap Majlis Peguam kerana keputusannya untuk memulaukan kes-kes I.S.A. dan juga kes di bawah Peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975. Yang pertama saya memerhatikan dengan amat kesal bahawa dalam menggubal Rang Undang-undang (Pindaan) yang begitu penting, yang begitu mustahak ini Majlis Peguam atau Jawatankuasa Bar tidak dirundingi dan pandangan-pandangan mereka tidak didengar untuk dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun kita perlu ingat bahawa apabila Rang Undang-undang Profesion Undang-undang, 1976 diluluskan dan dijadikan undang-undang dalam Parlimen, Jawatankuasa Peguam ada dihubungi dan pandangan-pandangan dan juga perakuan-perakuan mereka telah dipertimbangkan sebelum Rang Undang-undang itu dibentang dan diluluskan dalam Parlimen.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Mengenai Rang Undang-undang (Pindaan) ini saya ingin merujuk kepada Seksyen 28A (i) yang mengatakan bahawa adalah perlu untuk mengadakan peruntukan untuk diterima masih sebagai seorang peguambela dan peguamcara yang telah diambil kerja sebagai seorang Pegawai Undang-undang atau kehakiman dalam perkhidmatan sesuatu Kerajaan dalam mana-mana negeri atau dalam sesuatu bahagian mana-mana negeri atau mana-mana wilayah atau tempat di luar Malaysia melalui pengeluaran satu sijil penerimaan masuk khas oleh Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, saya nampak adalah terlalu merbahaya bagi peruntukan undang-undang itu digubal dalam syarat-syarat (scope) yang luas dan bagi

kuasa-kuasa yang diletak ke atas seseorang individu seperti Peguam Negara dan juga di dalam peruntukan ini memberi Peguam Negara budibicara yang luas. Apa yang mengejutkan ialah bahawa sijil itu dan ada dikatakan di dalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini bahawa sijil itu tidak boleh dikaji semula atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah oleh kerana ini akan melibatkan nasib profesion undang-undang seseorang individu sahaja. Bila dilihat pada keseluruhannya saya rasa Rang Undang-undang (Pindaan) ini dikemukakan seperti yang saya katakan tadi sebagai satu tindakan membalas dendam terhadap Majlis Peguam kerana keputusan dan tindakannya terhadap Kerajaan untuk memulaukan kes-kes I.S.A. Rang Undang-undang ini pada pendapat saya akan membawa akibat-akibat yang mendalam terhadap ahli-ahli profesion undang-undang. Dan di dalam hubungan ini saya ingin merujuk kepada Seksyen 46A (1) yang menyatakan bahawa seseorang adalah tidak berkelayakan untuk menjadi Ahli Majlis Peguam atau sesuatu Jawatankuasa Bar, atau ahli mana-mana jawatankuasa Majlis Peguam atau sesuatu Jawatankuasa Bar jika ia adalah seorang ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat, atau seorang ahli sesuatu Dewan Undangan Negeri, atau juga jika ia memegang apa-apa jawatan dalam sesuatu kesatuan sekerja; atau sesuatu parti politik; atau apa-apa jua pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang lain yang boleh ditafsirkan sebagai berjenis bercorak dan berbau politik melainkan ia adalah atau telah menjadi seorang peguambela dan peguamcara selama tempoh tidak kurang daripada 7 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan sebagai yang terkandung di dalam Rang Undang-undang (Pindaan) itu adalah sangat menekan, langsung tidak demokratik dan juga terlalu pengancam. Peruntukan itu menentang prinsip kebebasan berpersatuan dan kebebasan berhimpun di kalangan ahli-ahli profesion undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang diambil oleh Kerajaan di dalam mengemuka-

kan Rang Undang-undang ini adalah dan boleh dikatakan pertama kalinya terhadap suatu badan profesional di dalam negeri ini. Ini adalah sangat-sangat dikesali oleh kerana ini boleh dijadikan satu tauladan (precedent) pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada hujjah-hujjah yang telah saya huraikan tadi, saya terpaksa menyatakan bingkangan terhadap Rang Undang-undang ini dan saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri Undang-undang yang baru boleh mengambil satu sikap yang liberal, satu sikap yang lebih flexible terhadap Rang Undang-undang ini.

*5.35 ptg.*

**Tuan Rasiah Rajasingam (Jelutong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bercakap dalam Perbahasan mengenai Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan), 1977.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri Undang-undang yang baru bila Rang Undang-undang ini dibawa kalau saya tidak silap pada 19.12.1977, hari itu juga ada Executive Council Majlis Peguam berjumpa Pemangku Peguam Negara di dalam Bangunan Parlimen ini dan kita ada memberitahu tentang resolusi yang diambil pada 18.10.1977 bila mana 200 lebih peguam menyokong supaya jangan membela kes-kes di dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Saya kira, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak boleh menuduh yang 200 peguam-peguam itu membuat satu boikot atau undermine security of the nation, bukan begitu 200 orang peguam itu pula kita tahu sikap mereka, serupa macam sekarang kita ada Menteri Undang-undang dan Peguam Negara baru yang mana Majlis Peguam menyokong penuh beliau menjadi Menteri Undang-undang. Kita ada rules of etiquette. Sebagai seorang peguam, bila kita mahu terima satu kes jenayah atau sivil, di dalam

mahkamah kita ada prinsip ataupun rules of etiquette. Saya minta izin untuk membacanya ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa yang hendak dibaca ini?

**Tuan Rasiah Rajasingam:** Etiquette.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau etiquette tidak payahlah.

**Tuan Rasiah Rajasingam:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut etiquette seseorang peguam tidak boleh menjalankan kes kalau dia sendiri tahu dia tidak boleh membela kes itu ataupun kalau pada fikirannya pembelaan kes itu bukan in the best interest of the administration of justice.

Tadi Menteri Undang-undang yang baru mengatakan ada 1,000 lebih orang peguam yang menjalankan practice sekarang. Saya fikir ada 1,250 orang peguam yang menjalankan practice. Yang Berhormat Menteri Undang-undang pula mengatakan apabila satu resolusi diluluskan pada 18.10.77 satu kumpulan kecil di kalangan peguam mahu buat kacau. Kalau itu betul, kenapa 800 orang peguam yang tidak menyokong boleh membela kes-kes di dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri?

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya boleh katakan di antara 200 orang peguam yang menyokong resolusi pada hari itu hampir semua atau setengah daripadanya datang sebagai representative capacity sebab Bar Committee Penang, Kedah, Perlis, Perak, Selangor, Johor dan Pahang menyokong resolusi itu. Itu bukan merupakan satu kumpulan kecil di dalam Majlis Peguam yang buat kacau, tidak!

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mahu luluskan Pindaan ini, kita sendiri percaya sebab empat tahun dahulu Menteri Undang-undang kita tutup pintu kepada peguam-peguam luar masuk, tetapi sekarang kita

buka pintu pula. Kalau sekarang kita buka pintu bukan kepada peguam-peguam yang ada qualifications yang cukup iaitu peguam yang difikirkan oleh Menteri Undang-undang apabila diberi satu certificate dia boleh menjadi peguam.

Pada 27hb Disember, 1977 saya telah meminta Menteri Undang-undang dalam Majlis Peguam di mana saya menjadi salah seorang ahlinya. Kita sudah berunding dan kita telah menghantar surat kepada Peguam Negara di mana kita boleh selesaikan apabila menggunakan Pindaan ini. Kalau Pindaan ini kita gunakan, Security Cases Regulations ini sudah jadi oppressive. Sekarang saya ingat perkara ini lebih oppressive.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah membuat Akta Profesion Undang-undang ini selama lebih kurang enam tahun, drafting and amendments dihantar — hantar kepada Peguam Negara balik dan baru pada tahun yang lalu kita jadikan satu Akta. Sekarang dalam dua minggu kita akan pinda Seksyen itu, jadi saya minta Menteri Undang-undang yang baru yang mana dahulu kita tidak boleh selesaikan kerana kita tahu dia seorang yang stubborn, bila kita bercakap mengenai peguam sudah buat resolusi, dia buat Pindaan ini sekarang, lawan dia. Attitude itu tidak betul. Saya minta Menteri Undang-undang kalau hari ini saya menjadi ahli Majlis Peguam, saya ingat Rang Undang-undang ini tidak akan dibaca kali yang kedua pada hari ini, sebab kita telah menghantar surat kepada Peguam Negara. Saya tidak tahu samada surat daripada Majlis Peguam sudah diterima atau dibaca.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kalau Dewan Rakyat mahu menerima Pindaan ke atas Rang Undang-undang ini, saya ingat negeri kita bukan menuju jalan ke hadapan, tetapi berbalik dua steps ke belakang.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Peguam yang satu lagi cukup responsible. Sekarang kita berada di tahun baru dan pada 2hb atau 3hb

Januari, Setiausaha Majlis Peguam melalui suratkhbar telah menyokong Menteri Undang-undang yang baru. Kami percaya dia seorang level-headed dan ia juga sportsman-like attitude. Saya percaya dia tidak akan menggunakan atas bacaan kali yang kedua di atas Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) yang akan diluluskan kelak. Saya minta jangan gazette dahulu sehingga Majlis Peguam boleh berunding dengan Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan kakitangannya di dalam Chamber Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Pindaan ini, ramai peguam dalam negeri kita tidak mahu menerima Security Cases. Ini bukan opinion para peguam sahaja. Tetapi ada tiga empat orang hakim dalam negeri kita yang bercakap dalam satu trial, mengatakan kepada Pendakwa Raya, jangan bawa kes ini di hadapan ia lagi, lebih baik ditembak orang itu di luar Court ataupun bila ditangkap, tembak sehingga dia mati, lebih baik. Kita menyokong Menteri Undang-undang buat satu tribunal atau marshal tribunal dengan tidak menggunakan peguam, tetapi menggunakan demokrasi tribunal. Buat satu panel, mana yang subversif bawa dia ke hadapan tribunal itu seperti military tribunal, baharu jalankan kes itu. Kalau kita mahu adanya mahkamah dalam Constitution, kita mesti ikut Rule of Law, sekarang sebagaimana yang kita tahu pada 19hb Disember, 1977 Privy Council menyatakan kes pertama mengenai Security Cases sudah diberi special leave kepada appeal itu. Saya rasa Menteri Undang-undang kena menunggu kes itu, sebab dalam Privy Council rayuan itu mesti diluluskan. Kalau rayuan itu diluluskan, perkara itu semua sudah tidak berguna lagi dalam Undang-undang Security Cases sebab ada banyak faktor. Jadi saya minta Menteri Undang-undang walaupun kita ada cukup oppressive law dalam negeri kita, janganlah kita luluskan Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) sebab Majlis Peguam telah berunding dan sedang menunggu jawapan daripada Peguam Negera. Saya percaya kalau kita ada cool-headed

ataupun level-headed dan moderasi, kita boleh selesaikan atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita kata luar negeri bermakna demokrasi luar negeri. Kalau orang Malaysia pergi keluar negeri dan mengatakan kita sebagai seorang peguam kita tidak boleh beri muka kepada mereka. Mereka akan bertanya bagaimana undang-undang ini ada dalam democratic country, sebab kita ikut Rule of Law yang tercatat dalam Perlembagaan dan sekarang kita minta untuk dibuat Pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita ketahui seseorang Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri tidak boleh jadi ahli dalam Majlis Peguam atau Bar Committee. Itu satu professional body, kalau dia mahu pilih sendiri seorang representative, saya ingat kita mesti lepaskan mereka itu. Kalau sekarang kita ikut dalam Majlis Peguam hanya ada satu orang sahaja dalam Dewan Rakyat dan seorang lagi dalam Dewan Undangan Negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu lagi Dewan mana?

**Tuan Rasiah Rajasingam:** Dewan Undangan Negeri Kedah. Saya ingat mereka berdua buat resolusi pada 18hb Oktober, tahun lalu dan sekarang mereka buat tit for tat, awak buat ini, saya boleh buat itu, attitude itu tidak boleh dipakai dalam negeri kita.

Satu perkara sahaja saya hendak bercakap, iaitu sebagai seorang peguam, saya juga telah terima kes I.S.A. dan saya sudah beri balik wang atas kes ini. Kita bukan mahu undermine the national security of the nation. Akhir sekali saya minta Yang Berhormat Menteri Undang-undang yang baru supaya boleh implementation pada Pindaan ini di samping dapat berunding dan memikirkan samada Bil ini boleh dipakai atau tidak.

5.50 ptg.

**Tuan Ngan Siong Hing (Kinta):** Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker dan nampaknya banyak points yang saya akan bangkitkan telah disentuh, tetapi saya akan cuba menyentuh satu dua perkara berkenaan beberapa points yang ada terlibat dalam Rang Undang-undang ini.

Yang pertama, saya rasa Rang Undang-undang ini tidaklah perlu dan nampaknya adalah sangat memalukan kerana ini boleh dikatakan sebagaimana kata kawan saya dari Jelutong tadi "an act of tit for tat" kerana Majlis Peguam pada 18hb Oktober tahun lalu telah meluluskan satu resolusi. Resolusi itu bukan mencabar Kerajaan, resolusi itupun bukan hendak menolong penganas-penganas tetapi satu resolusi yang baik terhadap prinsip kerana ada peguam-peguam yang pandai, yang termasyhur, faham, mereka langsung tidak boleh menangkis dalam court. Ini selalu ada disiarkan di newspapers, berapa susah peguam-peguam tidak boleh menang kes dalam court kerana Kerajaan atau DPP boleh gunakan beberapa jenis evidence termasuk hearsay evidence dan tadi sahabat saya dari Maran pun ada sebutkan mengenai Delhi Declaration, beberapa points atas prinsip-prinsip teori pun disebutkan dalam Delhi Declaration itu sebagai fair trial. Kita ada certainty of criminal law — semua pun ada, presumption of innocence ada, reasonable rules ada tetapi dalam Delhi Declaration itu tahun 1959 tidak ada hearsay evidence. Inilah malangnya kerana saya pun tidak faham kenapa Attorney-General mahu cabar Majlis Peguam-peguam dan sekarang nampaknya ada head-on-collision di antara kedua-dua pihak, sungguhpun pada masa ini kita ada satu Peguam Negara yang baru tetapi Rang Undang-undang ini langsung tidak diubah.

Tuan Speaker, niat Kerajaan sebenarnya sangatlah jelas, iaitu ini adalah satu Rang Undang-undang untuk to stifle the voice of the legal profession. Ini langsung tidak boleh diterima di sebuah negara yang bercorak demokrasi. Rule of Law bukan teori sahaja.

Apabila kita kata Rule of Law, apakah Rule of Law itu, Tuan Speaker? Apabila Majlis Peguam-peguam adakan Extraordinary General Meeting yang khas di Merlin Hotel, peguam-peguam mengikut Rule of Law, mereka mengikut Legal Profession Act atau Akta Profesion Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan ini dan kenapa Dewan ini sekarang diseru buat Pindaan seperti ini di mana ada disqualification clause yang lebih berat yang langsung tidak boleh disokong oleh sesiapa yang ada sedikit self-respect, iaitu Seksyen 3 untuk buat Pindaan yang baru itu dan Pindaan (amendment) yang baru itu ialah Seksyen 46A.

Tuan Speaker, saya minta izin baca satu dua seksyen di sini iaitu dalam naskhah Bahasa Inggeris.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh diizinkan.

**Tuan Ngan Siong Hing:** Tuan Speaker.

"46A. (1) A person shall be disqualified for being a member of the Bar Council or a Bar Committee, or of any committee of the Bar Council or a Bar Committee —

- (a) unless he is and has been an advocate and solicitor for a period of not less than seven years, or for periods which in the aggregate amount to not less than seven years; or
- (b) if he is a member of either House of Parliament, or of a State Legislative Assembly, or of any local authority; or
- (c) if he holds any office in —
  - (i) any trade union; or
  - (ii) any political party; or
  - (iii) any other organisation, body or group of persons whatsoever, whether or not it is established under any law, whether it is in Malaysia or outside Malaysia, which has objectives or carries on activities which can be construed as being political in nature, character or effect, or which is

declared by the Attorney-General by order published in the Gazette, to be an organisation, body or group of persons which has such objectives or carries on such activities.”

Tuan Speaker, ini tidak perlu. Ini sangat luas di mana Attorney-General sekarang ada budibicara yang luas — discretionary powers. Jika Attorney-General tidak suka apa-apa pertubuhan di Australia atau di United Kingdom di mana seseorang itu jadi ahli pertubuhan seperti itu, beliau pun tidak boleh jadi Committee Member dalam Bar Council atau Bar Committee dan saya dapat tahu ada satu pertubuhan iaitu Amnesty International di mana ada banyak lawyers menjadi ahli, lawyers of standing adalah members dalam Amnesty International. Bolehkah Kerajaan anggap Amnesty International sebagai satu pertubuhan yang anti-Malaysia kerana aktiviti-aktiviti Amnesty International ialah untuk menyiasat political detainees. Bolehkah Kerajaan anggap dan bolehkah Kerajaan tangkap atau tahan peguam-peguam yang ada standing, yang ada seniority jadi Ahli-ahli Amnesty International yang baru-baru ini telah diberikan satu Nobel Prize? Ini tidak perlu dan Rang Undang-undang ini sekarang ada di Dewan ini kerana bekas Menteri Undang-undang ialah seorang big bully, penggembur yang besar, dan beliau tidak suka berunding dengan Majlis Peguam-peguam, bukan Majlis Peguam-peguam tidak mahu berunding dengan beliau. Ini adalah satu sikap yang tidak sihat dan saya sangat malu kerana beliau sendiri pun adalah seorang peguam, dahulu bekas Menteri Undang-undang, sebelum itu menjadi Magistrate, DPP, tentu beliau faham kesusahan tentang legal profession. Dahulu beliau juga seorang DPP, seorang Pendakwa Raya dan sekarang sangatlah malu beliau meluluskan atau membentangkan Rang Undang-undang ini di Dewan sebagai satu Bill of Vengeance, bukan Bill of reason — tidak menasabah, ini Bill of Vengeance.

Tuan Yang di-Pertua, kita jangan lupa dalam extraordinary meeting pada 18hb Oktober tahun yang lalu ada lebih kurang 200-300 peguam tetapi mengikut Law List sekarang Malaysia ada sebanyak — ini Peninsular Malaysia tidak termasuk Malaysia Timur, ada lebih kurang 1,200 peguam-peguam. Jadi dalam resolusi peguam-peguam dinasihatkan mereka bukan disuruh boikot — tidak. Kalau 200-300 peguam sahaja kita ada lagi 800 peguam-peguam yang boleh mengambil kes dan lagi di Ipoh ada peguam belum diassign case, pelanggan-pelanggan tidak jumpa orang itu tetapi dilantik oleh hakim. Ada peguam-peguam pergi ke court sebagai friends of the Court (*amicus curiae*). Ini telah berlaku di Ipoh dan kes itu berkenaan murder case of the CPO Perak....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kes ini sudah selesai atau belum?

**Tuan Ngan Siong Hing:** Belum, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau belum, tidak usahlah disebut.

**Tuan Ngan Siong Hing:** Maaf, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya ingin memberitahu Dewan ialah ada lawyer, ada peguam tetapi volunteer jadi friends of the court atau sahabat-sahabat mahkamah. Jadi, nampaknya kenapa bekas Attorney-General selalu buat press statement: Deadlock sini, deadlock sana kerana kita mahu Bill itu. Ini tidak benar. Bekas Menteri Undang-undang tidak ikhlas. Beberapa press statement yang dikeluarkan oleh beliau tidaklah benar.

Di Ipoh ada, di Kuala Lumpur ada banyak peguam-peguam yang tidak bersetuju dengan resolusi yang diluluskan pada 18hb Oktober, 1977. Kenapa pelanggan-pelanggan tidak diseru mencari orang-orang itu. Lagi pun di Kuala Lumpur, Penang, Ipoh ada peguam-peguam yang besar dengan syarikat-syarikat yang besar, mereka pun layak dan lagi mereka pun senior members of the Bar. Kenapa cases

seperti itu tidak diassign kepada mereka? Saya sendiri pun tidak faham dan saya diberitahu tidak berapa lama dahulu mahkamah atau Pendaftar Mahkamah Tinggi telah diarah assign kes-kes I.S.A. kepada peguam-peguam yang ada lebih kurang 3 tahun hingga 10 tahun pengalaman. Selepas 10 tahun kenapa Kerajaan tidak assign kes itu. Orang yang sudah dalam profesion 20-30 tahun kenapa mereka tidak diassign kes-kes itu? Nampaknya inipun sudah prejudice, satu tindakan prasangka yang saya sendiri tidak bersetuju. Saya harap Attorney-General yang baru itu nampaknya beliau diam, bolehlah beliau balik dan timbangkan perkara itu....

**Tuan Yang di-Pertua:** Diam berisi.

**Tuan Ngan Siong Hing:** Ya. Adakah benar atau tidak Pendaftar-pendaftar Mahkamah diarah (instructed) assign kes-kes kepada peguam yang ada pengalaman tiga hingga sepuluh tahun selepas itu langsung tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah lupa lagi berkenaan boikot itu saya ada sebutkan tadi ini tidak benar, tidak boikot, kalau Kerajaan hendak Kerajaan bolehlah lantik atau assign kes-kes kepada peguam yang ada pengalaman 20-30 tahun. Tetapi jangan lupa peguam pun manusia juga, hakim-hakim atau pegganas-pegganas kominis pun manusia juga, kita ada conscience, sungguhpun seorang peguam yang ada pengalaman 20 tahun tetapi barangkali dalam tempoh 20 tahun itu beliau tidak mengambil kes-kes criminal (jenayah). Jadi bila satu kes dia assign kepada beliau mana tahu boleh jadi dia ada membuat kesalahan di sana-sini. Jadi nampaknya siapa yang susah? Pelanggan-pelanggan yang susah kerana kalau pelanggan-pelanggan atau pegganas-pegganas kominis jika mereka pegganas-pegganas, bila dia dihukum salah dia mati, masuk ke Pudu Jel, mati. Ini sangatlah khas.

Tuan Yang di-Pertua, tadi kawan saya Yang Berhormat dari Maran ada menyebutkan Delhi Declaration, 1959, ini ada punishment, hukuman yang khas dan kita tidak boleh

sokong. Lagi pun saya rasa bekas Attorney-General salah faham.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri ada mencadangkan satu Usul pada 3-6 bulan yang lalu. Ini bukan menunjukkan saya pegganas kominis atau penyokong kominis atau seorang yang bersimpati dengan aktiviti-aktiviti kominis — bukan dan apabila Usul saya di Ipoh Bar Committee Meeting telah diluluskan saya pun ada head-on clash dengan Chairman Bar Committee itu, ini bukan menunjukkan saya menyokong kominis, hendak melemahkan keselamatan negara — bukan, langsung bukan tetapi inilah tuduhan yang pahit (bitter), kenapa? Mana saya boleh menyokong kominis. We look at this sebagai seorang professional lawyer, bukan sebagai seorang DAP atau parti itu, parti ini — bukan. Barangkali dalam Barisan Nasional pun ada banyak peguam-peguam yang tidak menyokong, ada orang yang menyokong, tetapi malangnya mereka tidak berani menyuarakan perasaan, duduk diam-diam sahaja, ini bukan salah saya atau siapa, tetapi mereka.

Yang kedua, dalam Bil ini di bawah Seksyen 28B, Menteri Undang-undang boleh beri Sijil Khas kepada siapa yang beliau rasa adalah layak jadi peguam. Selain daripada peguam-peguam dari Singapura, siapakah yang akan datang ke sini? Queen's Counsel di England atau Australia dan Kanada, saya rasa mereka tidak mahu datang ke sini untuk defend kes-kes I.S.A. atau juga peguam dari India. Berapa ribu seseorang hendak belanja kalau dia mahu seorang peguam dari India atau Ceylon atau England. Jadi nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini untuk siapa? Peguam-peguam dari Indonesia atau dari mana? Atau jika bukan peguam-peguam dari Indonesia, adakah Senior Civil Servant yang sudah retire tetapi ada sedikit latihan dalam undang-undang bolehkah mereka berani defend.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa dibuat subterfuge ini? Ini ada taktik politik untuk undermine, melemahkan Majlis Peguam.

Dan saya harap Peguam Negara yang baru yang bijak itu boleh timbang semula perkara ini. Ini tidak perlu tetapi Ahli Barisan Nasional dari Jelutong dan Maran pun sudah mengatakan seramai dua tiga ratus orang sahaja yang tidak mahu, kerana mereka selalu ada orang jumpa mereka mengambil Kes-kes Keselamatan, ada peguam-peguam lain yang langsung orang tidak jumpai barangkali, retainer fee \$100-\$200 sahaja, tetapi peguam ada conscience, kita tak boleh ambil satu kes dengan \$200-\$300 sahaja. Apabila kita kalah, orang itu masuk jel, dia mati — death sentence. Dan saya bersetuju apa yang dikatakan oleh Ahli dari Jelutong bahawa ada hakim-hakim, sungguhpun mereka tidak buat kenyataan dalam public, mereka tidak berapa seronok hatinya kerana I.S.A. cases atau Essential (Security Cases) Regulations adalah tidak mengikut the Rule of Law yang difahami oleh peguam yang dipraktiskan di seluruh Komenwel. Mengikut Essential (Security Cases) Regulations, Seksyen-seksyen Rang Undang-undang ini semuanya tidak mengikut the Rules of Criminal Law. Kerana itu Majlis Peguam atau peguam-peguam tidaklah mahu mengambil Kes-kes Keselamatan atau I.S.A. cases.

Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang ada at the crossroads (di persimpangan jalan). Tadi saya sudah katakan ini adalah satu Rang Undang-undang conscience, saya tahu Rang Undang-undang ini tentu seratus peratus akan diluluskan oleh Dewan ini tetapi ini satu kes conscience, bolehkah Kerajaan timbang semula, keep cool dan Kerajaan jumpai Majlis Peguam, barangkali kita boleh menyelesaikannya. Ini sangat harsh, kerana bekas Menteri Undang-undang is full of spite....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat sudah banyak sangat reference kepada bekas Peguam Negara. Yang Berhormat Menteri itu tak ada di sini untuk mempertahankan dirinya. Cuba tumpukan perbahasan, jangan terkeluar lagi.

**Tuan Ngan Siong Hing:** Saya bukan mahu ridicule beliau, tetapi ini brain-child bekas

Peguam Negara. Tetapi saya pun tak mahu sebut nama dia, saya pun rasa dia sekarang pun ada topi yang baru, haraplah jangan buat Rang Undang-undang serupa ini dalam Kementerian baru. Tetapi bagaimanapun setelah Rang Undang-undang ini diluluskan saya harap Peguam Negara yang baru ini boleh timbangkan semula dan postpone, buat satu Usul untuk postpone Rang Undang-undang ini. Kenapakah seorang sebagai saya, malahan dalam Barisan Nasional ada tiga empat orang Ahli Parlimen yang profesion mereka adalah peguam dan kenapa kita berhenti menjadi Jawatankuasa Majlis Peguam. Ini tidak patut kerana legal profesion adalah satu profesion yang articulate. Kalau Kerajaan boleh memperkenalkan satu Rang Undang-undang seperti ini saya rasa tidak berapa lama lagi Kerajaan pun boleh introduce satu Rang Undang-undang mengenai doktor-doktor, akauntan-akauntan, akitek-akitek, langsung tidak ada apa-apa yang boleh menahan Kerajaan, kalau Kerajaan mahu. Inilah yang susah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi?

**Tuan Ngan Siong Hing:** Lagi satu minit, Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak mahu bercakap banyak, saya sangat sedih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Makin sedih, makin panjang bercakap, nampaknya (*Ketawa*).

**Tuan Ngan Siong Hing:** Kerana sedih saya bercakap panjang sedikit, kalau tidak sedih saya pun tidak mahu bangun bercakap banyak.

Akhirnya, kita pun tahu sebulan yang lalu Kerajaan juga mahu mendisiplinkan profesor universiti dan juga pensyarah universiti. Ini sudah jadi satu trend yakni siapa yang berani membangkang, siapa yang berani mencabar Kerajaan, Kerajaan tentulah akan buat undang-undang seperti ini atau mengambil tindakan dan langkah-langkah untuk mendisiplinkan siapa yang berani mencabar Kerajaan. Ini menunjukkan Malaysia akan

menjadi sebuah negara dictatorship kerana apa yang Kerajaan tidak mahu ialah pembangkang supaya Kerajaan boleh buat apa yang Kerajaan suka. Ini adalah satu trend yang saya harap Peguam dan bukan Peguam, Barisan Nasional atau tidak, mestilah mengambil perhatian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Telok Anson. Lepas itu Yang Berhormat dari Kangar, kemudian saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.18 ptg.

**Tuan Au How Cheong: (Telok Anson):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang bertujuan untuk membuat beberapa pindaan kepada Akta Profesion Undang-undang, 1976. Dua perubahan utama kepada Akta Ibu itu, dengan ringkasnya, adalah seperti berikut:

- (i) Orang-orang yang berkelayakan dan lain-lain orang dapat diterima ke negara kita untuk mengamalkan undang-undang.
- (ii) Ahli-ahli profesion undang-undang tidak berkelayakan menjadi Ahli Majlis Peguam atau lain-lain Jawatankuasa jika mereka menjadi Wakil Rakyat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan yang pertama itu mungkin melibatkan kehidupan beberapa orang peguam. Perubahan yang kedua ini bermakna satu batasan telah diletakkan atas kegiatan ahli-ahli profesion undang-undang. Pindaan-pindaan itu tidak dapat diterima oleh profesion yang mulia ini dengan hati yang senang dan ahli-ahlinya telah membuat bantahan atas Rang Undang-undang ini. Malangnya, pindaan-pindaan itu telah menjadi perlu oleh kerana tindakan-tindakan yang telah diambil oleh ahli-ahli profesion itu sendiri untuk menewaskan tujuan-tujuan undang-undang yang bertentu. Majoriti yang senyap atau silent majority ahli-ahli profesion itu telah membenarkan satu golongan ahli-ahlinya yang kecil untuk

memutuskan pendirian profesion keseluruhannya. Kita boleh mempelajari sesuatu daripada kejadian ini. Dalam sebuah negara yang berdemokrasi seperti Malaysia nasib rakyat kita akan diputuskan oleh satu golongan yang kecil aktif dan vocal jika majoriti rakyat kita diam begitu sahaja atau mengambil satu sikap yang tidak peduli. Sebagai yang kita ketahui keadaan yang jujur sekarang adalah akibat Usul yang telah diluluskan oleh Bar Council di mana ahli-ahlinya telah dinasihatkan supaya mengelakkan diri daripada mengambil kes-kes yang dituduh di bawah Akta Keselamatan Negara. Mereka berkata di antara lain-lain dan juga kita baru sahaja mendengar ini adalah bertentangan dengan conscience mereka untuk membela kes-kes itu. Oleh kerana soal conscience telah disentuh saya ingin bertanya bagaimanakah mereka dapat menjustifiedkan atau mempertahankan conscience mereka. Bagaimanakah mereka dapat tidur dengan nyenyak jika orang yang dituduh itu tidak dapat peluang untuk membetulkan kesalahan atau menyelamatkan nyawa mereka. How do they justify their conscience if the accused is denied the service of a lawyer to have his life saved. Bagaimanakah Peguam-peguam itu hidup dengan suara hatinya yang jelas jika mereka tidak menolong orang yang didakwa itu dengan pengetahuan, kemahiran dan expertise mereka. Oleh kerana ada kemungkinan bahawa orang yang didakwa itu tidak dapat diwakili saya mengalu-alukan peruntukan yang akan membenarkan peguam-peguam dari luar negeri untuk membela kes-kes yang dituduh di bawah I.S.A. dan undang-undang yang lain. Dengan itu tiada siapapun akan dihukum tanpa perjalanan undang-undang. Seperti dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa sebahagian daripada orang-orang yang didakwa di bawah I.S.A. telah dibebaskan. Jadi adalah jelas bahawa orang-orang yang telah dituduh itu dapat dibela dengan kejayaan dan nyawa mereka dapat diselamatkan. Peguam patut mempunyai lebih keyakinan pada diri sendiri mengadakan kepercayaan kepada keadilan hakim-hakim kita ada kepada kebebasan sistem undang-undang kita. Seperti diketahui

Rang Undang-undang ini diadakan kerana tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak peguam-peguam untuk mengalahkan peruntukan-peruntukan dalam Akta Keselamatan Negara. Kita harus menyedari bahawa I.S.A. adalah satu Undang-undang yang telah diluluskan untuk menghadapi satu keadaan yang serius. Saya berharap dengan kerjasama dari semua pihak keadaan keselamatan negara kita akan bertambah baik supaya Akta Keselamatan Negara itu boleh dibatalkan tidak lama lagi dan dengan itu peguam-peguam kita tidak payah mengambil tindakan yang tidak membawa apa-apa faedah kepada sesiapa.

#### 6.25 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, di samping saya menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) ini, saya suka mengesyorkan beberapa perkara.

Yang pertama, saya sendiri bersetuju walaupun tidak banyak peguam-peguam yang mengengkari Kes-kes Keselamatan tetapi kita tidak nafikan seperti yang dikatakan oleh setengah-setengah wakil tadi ada juga di antaranya yang menentang. Jadi sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat menyiapkan payung sebelum hujan itu amat perlu. Dengan sebab itu Rang Undang-undang ini pada pendapat saya sangat sesuai diadakan oleh Kerajaan. Tentang membolehkan pihak Peguam Negara dengan Rang Undang-undang ini mengambil peguam-peguam dari luar, saya rasa amatlah sesuai kerana sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab kalau tiada peguam dalam negeri sendiri, maka di mana sahaja ada peguam yang sanggup berkhidmat patut diambil. Tetapi saya sukalah mengesyorkan seboleh-bolehnya carilah peguam-peguam yang akan diambil itu peguam-peguam yang bersesuaian dengan kedudukan kita di Malaysia dengan kedudukan rakyat di Malaysia. Jadi jangan cenderung kepada satu-satu pihak. Jadi biar peguam-peguam itu kalau mereka datang ke sini akan membawa kebaikan dan janganlah membawa satu perkara yang tidak baik.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga peguam-peguam ini jikalau membicarakan satu-satu kes baik peguam dari luar atau peguam dalam negara sendiri janganlah membawa perkara-perkara politik ataupun perasaan-perasaan sentimen politik di dalam masa-masa membicarakan satu-satu kes iaitu di mahkamah. Yang saya berharap sangat kepada peguam-peguam kalau boleh biarlah mereka ini, sebagaimana dikatakan oleh Ahli dari Permatang Pauh tadi, peguam sangatlah dihormati oleh orang. Ini saya tidak nafikan. Dengan sebab itu, saya minta peguam-peguam ini yang pandai dari segi undang-undang membawakan satu kecenderungan untuk menolong Kerajaan. Misalnya, Kerajaan menubuhkan Rukun Tetangga, saya amat sedih ada saya dapati di antara peguam-peguam sendiri yang sanggup melawan kes ini dengan ilmu undang-undang yang ada pada mereka menentang balik apa yang mereka sendiri fikir itu adalah untuk kebaikan rakyat. Jadi perkara-perkara ini patutlah diawasi betul-betul oleh peguam-peguam supaya selain daripada mereka ada kebolehan dari segi undang-undang mereka dihormati, maka saya berharap sungguh-sungguh apabila membuat satu-satu perkara itu boleh menunjuk atau ditauladani oleh orang ramai. Apatah lagi satu-satu kes walaupun mereka boleh berlawan dengan pihak Kerajaan kerana mereka faham dari segi undang-undang biarlah perkara itu juga mereka fikir baik buruknya terhadap rakyat.

Saya berharap juga kepada peguam-peguam khususnya kepada peguam-peguam Bumiputra supaya menarik seboleh-bolehnya kepada seluruh peguam untuk mencenderung ataupun menyokong segala dasar-dasar Kerajaan, dan dengan sebab itu saya sangatlah bersetuju dengan pendapat Ahli dari Permatang Pauh tadi walaupun saya bukan peguam dalam Seksyen 46A yang mana Ahli-ahli Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Negeri tidak boleh menjadi ahli Jawatankuasa dalam Bar Committee. Saya fikir ini patut kita kaji kerana kita dapati kalau orang-orang ini kita sekat tidak boleh

menjadi ahli Jawatankuasa itu bersama-sama, kita berharap orang-orang di dalam Dewan ini, kita tidak usah ambil dari Barisan Nasional atau pihak mana sekalipun, mereka boleh dikatakan orang-orang yang berkecimpung dalam masyarakat, sebab itulah mereka ini dipilih sebagai Ahli Dewan Rakyat ataupun dilantik sebagai Ahli Dewan Negara. Jadi dengan adanya mereka di dalam Majlis itu maka saya berpendapat ini boleh menolong mereka memberi pendapat ataupun menahan apa-apa satu issue yang membawa keburukan. Jadi mereka ini sebagai orang yang bertanggungjawab ini dipilih oleh masyarakat dan orang yang dipercayai oleh Kerajaan. Kalaulah satu-satu perkara yang tidak baik dibangkitkan dalam Perhimpunan Peguam-peguam bolehlah mereka ini juga yang saya

percaya perasaannya penuh dengan rakyat dan perasaannya bertanggungjawab dengan Kerajaan boleh mencurahkan apa-apa yang baik kepada seluruh peguam-peguam sebagaimana yang kita tahu adalah yang peguam ini dihormati oleh orang ramai. Jadi dengan sebab itu, saya menyokong Rang Undang-undang ini yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri boleh menjawab esok.

Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok 10hb Januari, 1978.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*